

## BAB IV

### ANALISIS DAN PERBINCANGAN

#### 4.0 Pengenalan

Dalam bab ini, hasil analisis data akan dibincangkan. Tujuan kajian ini ialah mengenalpasti orientasi dan motivasi pelajar di dalam pembelajaran BS dan mengetahui hubungan di antara orientasi dan motivasi pelajar dengan pencapaian mereka. Kajian ini juga dijalankan untuk melihat perbandingan orientasi dan motivasi di antara pelajar Melayu, Cina dan India di dalam pembelajaran BS.

#### 4.1 Orientasi Responden Di Dalam Pembelajaran BS

Responden diminta membulatkan Skala Likert pilihan mereka. Terdapat dua fokus utama dalam kenyataan soal selidik iaitu lima item berorientasi integratif dan lima item lagi berorientasi instrumental. Orientasi pelajar terhadap pembelajaran sesuatu bahasa adalah berbeza bagi setiap individu bergantung kepada keperluan dan situasi di mana bahasa itu dipelajari. Melalui soal selidik yang telah diedarkan, pengkaji dapat mengenalpasti orientasi pelajar terhadap pembelajaran BS. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji telah membuat skala pernyataan yang bermula dari 1.00-5.00. Dalam Bab 3 pengkaji telah merumuskan petunjuk tahap orientasi dan motivasi responden berdasarkan skor min. Ia digambarkan seperti dalam Jadual 4.0 di bawah.

**Jadual 4.0 Petunjuk tahap orientasi berdasarkan skor min**

<b>Skor Min</b>	<b>Tahap orientasi</b>
1.00 – 3.00	Negatif
3.01 - 5.00	Positif

**Jadual 4.1 Frekuensi (F) dan peratusan (%) orientasi integratif di dalam pembelajaran BS**

Orientasi Integratif										
Darjah persetujuan	Item 2 Faham dan tonton filem Sepanyol		Item 6 Nada bunyi menarik		Item 8 Faham budaya penutur masyarakat Sepanyol		Item 9 Jumpa dan komunikasi dengan penutur natif BS		Item 12 Libatkan diri dalam aktiviti budaya komuniti BS	
	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%
Sangat tidak setuju	1	1.4	0	0	0	0	53	72.6	23	31.5
Tidak setuju	4	5.5	2	2.7	3	4.1	17	23.3	38	52.1
Tidak pasti	18	24.7	7	9.6	10	13.7	3	4.1	5	6.8
Setuju	30	41.1	39	53.4	34	46.6	0	0	6	8.2
Sangat setuju	20	27.4	25	34.2	26	35.6	0	0	1	1.4
Total	73	100	73	100	73	100	73	100	73	100

Dalam Jadual 4.1 kenyataan ‘*Saya mengambil subjek BS kerana membolehkan saya memahami dan menonton filem Sepanyol dalam bahasa asal mereka*’ sebanyak 41.1% responden bersetuju dan 27.4% sangat bersetuju dengan kenyataan ini berbanding 1.4% sahaja sangat tidak bersetuju. Analisis ini menandakan responden cuba untuk memahami, mendekati dan mempelajari bahasa dan budaya masyarakat lain walaupun ia adalah bahasa asing baru bagi mereka. Ia juga menggambarkan siri rancangan telenovela Sepanyol yang sering ditayangkan di kebanyakan saluran televisyen pada hari ini menjadi salah satu faktor penyebab responden mengikuti kelas BS. Tidak dinafikan kisah perjalanan cerita yang menarik dan barisan pelakon yang mantap membuatkan mereka untuk mengikuti siri tersebut setiap hari. Melalui rancangan tersebut ia sedikit sebanyak mendedahkan kepada responden tentang kosa kata, penyebutan sesuatu perkataan, gaya dan cara hidup budaya masyarakat penutur Sepanyol. Kenyataan ini adalah berbentuk orientasi integratif. Skor min ( $m = 3.88$ ) menunjukkan responden memiliki tahap orientasi integratif yang positif (Rajah 4.0).

Salah satu sebab responden mengambil subjek BS sebagai kursus pilihan mereka ialah BS mempunyai intonasi bunyi yang menarik. Di dalam analisis ini, sebanyak 34.2% responden sangat bersetuju dan 53.4% bersetuju dengan kenyataan ini

berbanding 2.7% sahaja tidak bersetuju (Jadual 4.1). Dalam BS penekanan suku kata dalam penyebutan perkataan adalah amat penting. Sebagai contoh perkataan /*sábado*/ (*Saturday*), suku kata /*sá*/ harus ditekankan dalam penyebutannya kerana mempunyai aksen ( ´ ). Bagi perkataan yang tidak mengandungi aksen ( ´ ), suku kata kedua yang terakhir adalah ditekankan dalam penyebutannya, sekiranya perkataan tersebut berakhir dengan huruf vokal (*a, e, i, o, u*) dan huruf *n* atau *s* . Sekiranya perkataan tersebut berakhir dengan huruf konsonan selain dari huruf *n* atau *s*, sebutan suku kata terakhir adalah ditekankan. Ia digambarkan dalam Jadual 4.2 di bawah.

**Jadual 4.2 Intonasi bunyi perkataan bahasa Sepanyol (BS)**

<b>Bahasa Sepanyol</b>	<b>Intonasi</b>	<b>Bahasa Melayu</b>
gracias	<b>gra</b> – cias	<i>terima kasih</i>
resumen	re – <b>su</b> – men	<i>ringkasan</i>
flores	<b>flo</b> – res	<i>bunga-bunga</i>
mágico	<b>má</b> - gi - co	<i>ilmu ghaib</i>

Ini menggambarkan responden cuba menerima dan meniru cara sebutan perkataan seperti penutur natif bahasa Sepanyol. Menurut Aronson (1973) pelajar bahasa Sepanyol seringkali meniru intonasi perkataan bagi memperolehi kejayaan di dalam pembelajaran bahasa (ms. 324). Ini kerana '*Intonational patterns are not merely haphazard melodies superimposed on the language*' tetapi ia adalah sebahagian dari sistem tanda kod bahasa itu sendiri (ms. 324). Oleh itu, intonasi adalah melodi bersama maksud. Melodi adalah bukan sukar dipelajari kerana ia seperti mempelajari melodi yang terdapat di dalam sebuah lagu (ms. 324). Maka dalam analisis ini responden menunjukkan orientasi integratif yang paling tinggi (min = 4.19) berbanding item orientasi integratif yang lain seperti '*Menguasai BS membolehkan saya berjumpa dan berkomunikasi dengan penutur natif BS*' (min = 1.32) dan '*Saya belajar BS kerana boleh melibatkan diri di dalam aktiviti budaya komuniti BS*' (min = 1.96) (Rajah 4.0). Ini dapat menyokong kenyataan Gardner (1985) bahawa perkataan, sebutan dan prinsip

tatabahasa merupakan sebahagian dari budaya lain. Keterbukaan atau penerimaan individu terhadap komuniti atau budaya lain secara umum akan mempengaruhi motivasi mereka untuk mempelajari bahasa.

Menguasai sesuatu bahasa bukan sahaja dalam bentuk pertuturan, penulisan, pendengaran dan pembacaan malahan memahami budaya masyarakat penutur itu sendiri. Melalui pemahaman inilah yang dapat mendorong responden untuk mempelajari BS dengan penuh minat dan bersemangat. Pengkaji mendapati 46.6% responden bersetuju dan 35.6% sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa '*Menguasai kemahiran BS membantu mereka untuk memahami budaya masyarakat Sepanyol*' (Jadual 4.1). Min bagi pernyataan ini ialah ( $m = 4.14$ ) (Rajah 4.0). Ini menunjukkan responden memiliki tahap orientasi integratif yang tinggi. Dapatan kajian ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Lomoljo (2004) di mana 46.40% responden bersetuju dan 38.18% sangat bersetuju bahawa kemahiran BS membantu pemahaman mereka terhadap kesusasteraan dan budaya masyarakat Sepanyol. Kajian oleh Rahman (2005) mendapati 54.3% bersetuju, bahasa Inggeris membantu responden untuk memahami penutur asli dan cara hidup mereka. Manakala Davis dan Markham (1991) melaporkan majoriti responden memilih bahawa dengan mempelajari bahasa asing mereka memperolehi tahap kefahaman dan penghargaan yang tinggi terhadap budaya bahasa asing.


Majoriti pelajar sangat tidak bersetuju dengan pernyataan mengatakan bahawa '*Menguasai BS membolehkan saya berjumpa dan berkomunikasi dengan penutur natif BS*' iaitu 72.6%. Responden menunjukkan tahap orientasi integratif yang negatif ( $\text{min} = 1.32$ ) (Rajah 4.0). Disebabkan oleh ketiadaan pendedahan yang mencukupi terhadap cara hidup, budaya dan masyarakat penutur natif yang sebenar di Malaysia maka responden menafikan kenyataan ini. Malahan bilangan penutur natif BS yang amat terhad di Malaysia juga menjadi penyumbang kepada pelajar untuk menafikan

kenyataan ini. Dengan kekurangan aspek ini maka sudah tentu responden tidak mengetahui bagaimana cara pemikiran, kelakuan dan budaya penutur natif BS. Maka faktor ini tidak dapat mendorong responden dalam menjalinkan hubungan sosial dan mendekati budaya ahli komuniti penutur BS. Selain itu, mungkin wujudnya perbezaan konteks di mana BS (bahasa asing) yang dipelajari oleh responden adalah di Malaysia dan bukannya di negara penutur natif BS. Oleh yang demikian, BS yang dipelajari hanya meliputi pembelajaran di dalam kelas sahaja, tanpa melibatkan pendedahan kepada komuniti masyarakat yang sebenar. Justeru itu, responden menafikan kenyataan ini.

Majoriti responden juga menyangkal pandangan '*Saya belajar BS kerana boleh melibatkan diri di dalam aktiviti budaya komuniti BS*' dengan respon (31.5%) sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju (52.1%). Dalam Rajah 4.0 menunjukkan responden berorientasi negatif bagi kenyataan ini (min = 1.96). Hasil dapatan ini dapat mengukuhkan lagi dapatan di atas. Didapati responden kurang menunjukkan usaha untuk mendekati dan memahami budaya komuniti bahasa kedua kerana wujudnya perbezaan konteks dan tiada pendedahan terhadap komuniti bahasa sasaran. Kedua-dua item 9 dan 12 tidak akan dibincangkan dengan panjang lebar kerana ianya kurang bersesuaian dengan situasi dan konteks pembelajaran BS yang berlatarbelakangkan senario tempatan iaitu Malaysia. Soal selidik yang dibina oleh Gardner (1985) pula adalah berlatarbelakang di negara yang sememangnya menjadikan bahasa Perancis sebagai bahasa rasmi mereka selain bahasa Inggeris. Oleh yang demikian hasil dapatan pengkaji adalah berbeza dengan hasil dapatan Gardner (1985). Walaupun peluang bagi pelajar untuk berjumpa dan melibatkan diri dengan aktiviti budaya komuniti penutur BS di Malaysia masih wujud, namun ianya amat terhad.

Secara keseluruhan, responden hanya menggambarkan tahap orientasi yang positif ke atas tiga item (*Saya mengambil subjek BS kerana membolehkan saya*

memahami dan menonton filem Sepanyol dalam bahasa asal mereka, Saya mempelajari BS kerana nada bunyinya menarik dan Menguasai kemahiran BS membantu saya memahami budaya masyarakat Sepanyol) berbanding dua item lagi (Menguasai BS membolehkan saya berjumpa dan berkomunikasi dengan penutur natif BS dan Saya belajar BS kerana boleh melibatkan diri di dalam aktiviti budaya komuniti BS) dipaparkan sebagai orientasi yang negatif (Rajah 4.0). Ini menunjukkan tahap orientasi integrasi mereka terhadap pembelajaran BS adalah kurang kuat.



**Rajah 4.0 Purata min orientasi integratif**

**Jadual 4.3 Frekuensi (F) dan peratusan (%) orientasi instrumental di dalam pembelajaran BS**

Orientasi Instrumental										
Darjah persetujuan	Item 3 Dapat kerja yang baik		Item 5 Tingkat gred dan tamat pengajian		Item 10 BS bahasa asing penting global		Item 11 Bijak		Item 13 Kunjungi negara penutur BS	
	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%
Sangat tidak setuju	0	0	6	8.2	0	0	0	0	0	0

Tidak setuju	11	15.1	10	13.7	0	0	14	19.2	0	0
Tidak pasti	21	28.8	8	11.0	9	12.3	22	30.1	4	5.5
Setuju	24	32.9	36	49.3	39	53.4	28	38.4	25	34.2
Sangat setuju	17	23.3	13	17.8	25	34.2	9	12.3	44	60.3
Total	73	100	73	100	73	100	73	100	73	100

Bagi kenyataan item orientasi instrumental (Jadual 4.3) pula, pengkaji mendapati 23.3% responden sangat bersetuju dan 32.9% responden bersetuju dengan pernyataan '*Saya mempelajari BS untuk mendapatkan pekerjaan yang baik setelah tamat pengajian*'. Ini menunjukkan responden mempunyai tahap orientasi instrumental yang positif terhadap BS (min = 3.65) (Rajah 4.1). Kesedaran responden dalam analisis ini tentang kelebihan menguasai bahasa asing terutamanya dalam pencarian pekerjaan kelak telah menimbulkan minat mereka untuk mengikuti dan mempelajari BS ke tahap yang optimum. Dapatan pengkaji hampir sama dengan kajian oleh Lomoljo (2004) terhadap tujuan pelajar mempelajari salah satu bahasa asing di UPM, di mana 21.10% responden sangat bersetuju dan 42.30% responden bersetuju bahawa BS digunakan untuk mendapatkan pekerjaan kelak. Dapatan ini juga menyokong kajian oleh Man-Fat (2004) yang melaporkan 30% responden mengatakan mempelajari bahasa Inggeris adalah penting kerana ia berguna untuk mendapatkan pekerjaan kelak. Purata skor min adalah empat ke atas. Konig (2006), yang menjalankan kajian ke atas pelajar yang mempelajari bahasa asing di universiti di Ankara, Turki mendapati majoriti mereka mempelajari bahasa asing kerana ingin memperolehi kerja atau status kerja yang bagus. Manakala, Davis dan Markham (1991) melalui kajian mereka di 76 buah universiti dan kolej orang kulit hitam di Amerika dan Colombia, mendapati 80% responden merasakan pembelajaran bahasa asing adalah relevan dengan matlamat kerjaya mereka.


Majoriti responden mempelajari BS hanya untuk meningkatkan gred dan menamatkan pengajian mereka iaitu sebanyak 49.3% bersetuju dan 17.8% sangat bersetuju (Jadual 4.3). Responden menunjukkan orientasi instrumental yang positif (min= 3.55) (Rajah 4.1). Ini jelas menggambarkan bahawa responden mengikuti kelas

BS hanya untuk memperolehi kepentingan utilitari sahaja seperti menamatkan pengajian di universiti, kerjaya dan sebagainya. Dapatan ini dapat menyokong kajian oleh Rahman (2005) yang mendapati 83% responden bersetuju bahasa Inggeris diperlukan untuk menamatkan pengajian mereka. Kajian oleh Jody dan Huabin (2003) yang dilakukan di salah sebuah universiti di Amerika menunjukkan 38% responden bersetuju mempelajari bahasa Inggeris untuk menamatkan pengajian mereka.

Kebanyakan responden bersetuju mengatakan '*BS adalah salah satu bahasa asing yang penting di peringkat global maka saya akan memerlukannya di masa hadapan kelak*' iaitu 53.4% bersetuju, 34.2% sangat bersetuju (Jadual 4.3) dan tiada responden yang menafikan kenyataan ini. Tidak mustahil responden menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dan tidak menolak kenyataan ini. Ini adalah kerana, peranan dan penggunaan BS di peringkat antarabangsa yang meluas seperti di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan, PBB (UNESCO) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada hari ini. Malahan tidak dapat dinafikan jumlah penutur BS di seluruh dunia pada hari ini hampir mencecah 400 juta orang dan BS merupakan bahasa keempat paling banyak dituturkan di dunia selepas bahasa Cina, Inggeris dan Hindi (Antonio, 2006) menjadikan BS salah satu bahasa asing yang penting di peringkat global. Tambahan lagi ia mungkin disebabkan pendedahan mereka terhadap telenovela Sepanyol yang kini kian popular ditayangkan di kaca televisyen hampir setiap hari. Oleh itu, timbul kesedaran kepada mereka bahawa pada hari ini menguasai salah satu bahasa asing selain bahasa ibunda menjadi satu kelebihan kepada mereka seperti dapat meluaskan jaringan dengan masyarakat dan budaya lain dan menjadi satu bonus bagi mereka di peringkat pasaran kerja kelak. Bagi kenyataan ini responden menggambarkan tahap orientasi instrumental yang positif ( $\text{min} = 4.22$ ) (Rajah 4.1)



Dari dapatan kajian ini menunjukkan sebanyak 38.4% responden bersetuju dan 12.3% sangat bersetuju bahawa individu yang menguasai BS akan dianggap bijak oleh orang lain (Jadual 4.3). Dalam dapatan ini responden memiliki orientasi instrumental yang positif (min = 3.44) (Rajah 4.1). Ini menggambarkan bahawa menguasai salah satu bahasa asing yang utama seperti BS akan memberi kebaikan dan menjadi salah satu kelebihan pada diri responden berbanding orang lain terutamanya di dalam sektor pekerjaan kelak. Sudah tentu majikan akan mencari bakal pekerja yang berwibawa, dan berketrampilan di dalam pelbagai perkara. Kajian oleh Rahman (2005) mendapati 72% responden mengatakan bahasa Inggeris adalah penting kerana menjadikan mereka lebih bijak dan berpengetahuan.




**Rajah 4.1 Purata min orientasi instrumental**

Kebanyakan responden mempunyai keinginan yang mendalam untuk mengunjungi negara yang menuturkan BS pada suatu hari nanti (60.3% sangat bersetuju dan 34.2% bersetuju) (Jadual 4.3). Ini merupakan item orientasi instrumental yang

terakhir. Didapati responden memiliki orientasi instrumental yang tertinggi sekali untuk item ini berbanding item orientasi instrumental yang lain iaitu purata min ( $m = 4.55$ ) (Rajah 4.1). Kepentingan atau matlamat ini menjadi pemangkin bagi mereka agar mempelajari BS dengan bersungguh-sungguh. Oleh itu, responden bukan sahaja mempelajari BS untuk meningkatkan gred dan menamatkan pengajian malahan untuk tujuan melancong. Lomoljo (2004) juga mendapati 46.4% bersetuju dan 38.2% sangat bersetuju bahawa BS yang dipelajari adalah amat penting terutamanya ketika mengunjungi negara yang menuturkan BS. Dalam kajian oleh Jody dan Huabin (2003) di salah sebuah universiti di Amerika tentang tujuan pelajar mempelajari bahasa Inggeris menunjukkan responden memberikan peratusan yang tinggi iaitu 72% bagi kenyataan ini.

Secara keseluruhan, tahap orientasi instrumental responden adalah cukup kuat di mana responden mempamerkan kesemua item orientasi yang positif di dalam mempelajari BS. Orientasi yang tertinggi sekali ialah '*Saya mempelajari BS kerana ingin mengunjungi negara yang menuturkan BS suatu hari nanti*' (Rajah 4.1).



**Rajah 4.2 Perbandingan min orientasi integratif dan instrumental**

Apabila item orientasi integratif dan item instrumental dibandingkan (Rajah 4.2) jelas dipaparkan bahawa orientasi instrumental adalah lebih dominan (min = 3.89) berbanding orientasi integratif (min = 3.10). Dalam kajian ini tujuan atau penyebab utama responden mempelajari BS ialah kerana ingin mengunjungi negara yang menuturkan BS (Rajah 4.1), diikuti dengan tujuan-tujuan lain seperti BS merupakan bahasa asing penting di peringkat global, untuk memperolehi kerja yang baik, untuk meningkatkan gred dan menamatkan pengajian dan dianggap bijak jika mengetahui BS. Ini membuktikan majoriti responden mengikuti kelas BS bagi manfaat atau nilai utilitari kepada diri mereka seperti melancong, kerjaya dan akademik.

Dapatan kajian ini dapat menyokong kajian oleh Lukmani (1972), Chihara dan Oller (1978), Belmechri dan Hummel (1998) dan Lomoljo (2004) yang melaporkan orientasi instrumental lebih mendominasi tujuan pelajar dalam mempelajari bahasa berbanding orientasi integratif. Keadaan ini berlaku disebabkan kurangnya hubungan atau komunikasi dengan penutur asli dan budaya BS di Malaysia maka, responden lebih berorientasi instrumental berbanding orientasi integratif. Malahan responden tidak berpeluang untuk merasai secara nyata cara kehidupan masyarakat penutur Sepanyol di Malaysia mahupun melawat ke negara penutur BS sendiri. Mereka hanya mempelajari dan memperolehi pengetahuan BS di dalam persekitaran kelas sahaja. Oleh itu, mereka lebih berorientasi instrumental berbanding integratif.

Pandangan ini adalah sama dengan hasil kajian oleh Dornyei (1990) yang menunjukkan matlamat instrumental memainkan peranan yang lebih penting di dalam pembelajaran bahasa Inggeris di tahap pertengahan. Beliau juga mengatakan bahawa pembelajaran bahasa asing di dalam persekitaran kelas secara logiknya tidak melibatkan sikap terhadap komuniti bahasa kedua kerana pembelajar hanya memiliki sedikit atau tiada hubungan langsung dengan ahli-ahli kumpulan bahasa kedua. Inilah yang berlaku ke atas responden yang mengambil subjek BS sebagai bahasa asing di UPM.

Tempoh masa pembelajaran BS yang terhad mungkin juga menjadi salah satu faktor responden lebih memihak kepada orientasi instrumental berbanding integratif. Mungkin jumlah jam pembelajaran BS yang pendek iaitu 3 jam sahaja di dalam seminggu adalah tidak mencukupi bagi responden untuk menguasai dan mendalami lagi pengetahuan BS mereka.

Faktor jarak juga mungkin merupakan di antara faktor yang membatasi responden untuk merasai dan mendalami lagi cara hidup, budaya dan masyarakat penutur BS. Malahan sumber informasi berkenaan BS yang terhad juga menghalang responden untuk memilih orientasi integratif. Maklumat berkaitan BS hanya diperolehi melalui buku, siri rancangan telenovela di kaca televisyen dan internet. Ini adalah tidak mencukupi bagi responden, yang sudah tentunya memerlukan bahan-bahan pembelajaran yang menarik, sumber informasi yang tepat dan inginkan pendedahan secara nyata budaya masyarakat Sepanyol.

Di samping itu, mungkin responden merasakan kurangnya keperluan untuk menguasai BS di Malaysia kerana bilangan penutur BS yang amat terhad maka mereka tiada keinginan untuk mengintegrasikan diri ke dalam komuniti masyarakat BS. Mereka tidak akan disisihkan oleh rakan dan keluarga sekiranya tidak menggunakan BS dalam kehidupan seharian. Sebaliknya akan menggunakan bahasa ibunda untuk berkomunikasi sesama kumpulan etnik dan bahasa Melayu pasar atau bahasa Inggeris untuk berkomunikasi berlainan etnik. Keadaan ini sama seperti yang dinyatakan oleh Zulkifley (1994) terhadap pelajar Malaysia yang mempelajari bahasa Inggeris di Malaysia sama seperti situasi mempelajari bahasa Sepanyol di Malaysia. Keperluan dan kepentingan untuk menguasai BS wujud apabila ianya mendatangkan kebaikan kepada diri sendiri seperti untuk menamatkan pengajian, meningkatkan gred dalam pengajian dan memperolehi kerjaya yang baik di masa hadapan.

Walaupun, responden menunjukkan tahap orientasi integratif yang positif bagi item '*BS memiliki intonasi bahasa yang indah, memahami dan menonton rancangan BS di dalam bahasa asal mereka dan Menguasai BS membantu responden untuk memahami budaya dan cara hidup masyarakat Sepanyol*', faktor tersebut adalah tidak mencukupi bagi responden untuk lebih memilih tujuan integratif dalam mempelajari bahasa Sepanyol. Mungkin disebabkan wujudnya perbezaan budaya di mana responden dalam kajian ini adalah berada dan berasal dari masyarakat Timur. BS merupakan salah satu bahasa Eropah. Jika dibandingkan kedua-duanya, dari segi budaya, cara hidup dan nilai-nilai masyarakat Eropah dan Timur, ia adalah berbeza sekali. Maka disebabkan faktor-faktor inilah, responden menolak untuk lebih bersikap orientasi integratif.

Justeru itu, dapatan kajian ini tidak dapat menyokong pandangan Gardner (1985) yang mengatakan orientasi integratif lebih mendominasi tujuan pelajar mempelajari bahasa kedua. Begitu juga dengan teori oleh Gardner dan Lambert (1972) bahawa motivasi integratif (keinginan untuk menjadi sebahagian dari budaya dan menuturkan bahasa sasaran) lebih berperanan dalam pencapaian bahasa kedua.

Secara kesimpulan, berdasarkan hasil kajian pengkaji, orientasi instrumental telah mendominasi tujuan responden mempelajari BS berbanding orientasi integratif. Kesemua responden menggambarkan tahap orientasi yang positif kecuali bagi item '*Menguasai BS membolehkan saya berjumpa dan berkomunikasi dengan penutur natif BS*' dan '*Saya mempelajari BS kerana ia membolehkan saya melibatkan diri dalam aktiviti budaya komuniti bahasa kedua*' responden menunjukkan orientasi yang negatif ( $m = 1.96$  dan  $m = 1.32$ ) (Rajah 4.0). Pengkaji mendapati majoriti responden mempelajari BS kerana ingin mengunjungi negara yang menuturkan BS pada suatu hari nanti iaitu purata min yang tertinggi ( $m = 4.55$ ) berbanding orientasi instrumental yang lain (Rajah 4.1). Bagi item orientasi integratif iaitu "*BS mempunyai nada bunyi yang*

*menarik*”, responden menunjukkan purata min yang tertinggi ( $m = 4.19$ ) (Rajah 4.0) berbanding item yang lain.

#### 4.2 Motivasi Responden di Dalam Pembelajaran BS

Responden diminta untuk membulatkan salah satu jawapan tentang motivasi mereka dalam mempelajari BS pada Skala Likert. Bagi menganalisis hasil data tersebut pengkaji telah merumuskan petunjuk tahap motivasi responden berdasarkan skor min bagi melihat tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran BS di dalam Bab 3. Ia ditunjukkan seperti di dalam Jadual 4.4 di bawah.

**Jadual 4.4** Petunjuk tahap motivasi berdasarkan skor min

Skor Min	Tahap motivasi
1.00 – 3.00	Rendah
3.01 - 5.00	Tinggi

Item motivasi pertama yang akan diperhatikan ialah keinginan untuk mempelajari BS. Dari Jadual 4.5(a), menunjukkan bahawa sebanyak 41.1% responden bersetuju dan 35.6% sangat bersetuju dengan kenyataan '*Saya akan mempelajari dan mengikuti kelas BS di universiti*' ( $min = 4.08$ ) (Rajah 4.3). Ini jelas menggambarkan responden memiliki motivasi yang tinggi terhadap BS. Hanya 4.1% responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa responden berusaha mempelajari dan berkeinginan untuk menguasai bahasa asing selain dari bahasa ibunda mereka walaupun ianya bukan subjek yang wajib. Keinginan yang kuat oleh responden melahirkan motivasi yang tinggi untuk mengikuti subjek BS dengan penuh minat dan tekun. Dapatan ini dapat menyokong kajian oleh Davis dan Markham (1991) di mana 65% responden akan mengambil kursus bahasa asing di universiti walaupun ia tidak diwajibkan. Kajian Holt (2002) juga melaporkan 34% pelajar sekolah menengah di Jepun akan mempelajari bahasa asing walaupun tidak diwajibkan.

**Jadual 4.5 (a) Frekuensi (F) dan Peratusan (%) Motivasi (Keinginan untuk Mempelajari BS)**

Motivasi (Keinginan untuk Mempelajari BS)						
Darjah persetujuan	Item 1 Belajar dan ikuti kelas BS		Item 2 BS sangat menarik berbanding subjek lain		Item 7 Guna BS dalam dan luar kelas	
	F	%	F	%	F	%
Sangat tidak setuju	0	0	0	0	0	0
Tidak setuju	3	4.1	8	11.0	2	2.7
Tidak pasti	14	19.2	22	30.1	12	16.4
Setuju	30	41.1	34	46.6	34	46.6
Sangat setuju	26	35.6	9	12.3	25	34.2
Jumlah	73	100	73	100	73	100

BS merupakan salah satu bahasa asing yang ditawarkan di FBMK. Melalui soal selidik ini sebanyak 46.6% pelajar bersetuju dan 12.3% amat bersetuju (Jadual 4.5(a) dengan kenyataan '*Saya dapati mempelajari BS adalah sangat menarik berbanding subjek lain*'. Di sini jelas menunjukkan responden memiliki motivasi yang tinggi dalam mempelajari BS (min = 3.60) (Rajah 4.3). Ini kerana BS memiliki banyak perkataan dan maksud yang hampir sama di dalam bahasa Inggeris maka ia memudahkan pembelajaran dan pemahaman ketika berada di dalam kelas. Malahan, sistem ejaan dan penyebutan BS yang mudah (Jackson, Rubio, dan Hart, 1994) meningkatkan lagi keinginan responden untuk mengikuti kelas BS dengan penuh yakin dan minat. Inilah di antara ciri-ciri yang menjadikan BS adalah bahasa yang unik dan menarik berbanding subjek lain. Sebagai contoh ia digambarkan dalam Jadual 4.5 (b)(c).


**Jadual 4.5 (b) Perkataan BS yang hampir sama di dalam bahasa Inggeris**

Bahasa Sepanyol	Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
actor	actor	<i>pelakon lelaki</i>
color	colour	<i>warna</i>
doctor	doctor	<i>doktor</i>
animal	animal	<i>binatang</i>
conversación	conversation	<i>perbualan</i>

**Jadual 4.5 (c) Ejaan dan sebutan di dalam BS**

Bahasa Sepanyol	Ejaan BS	Bahasa Melayu
arbol	ar - bol	<i>pokok</i>
mesa	me - sa	<i>meja</i>
una	u - na	<i>satu</i>
coche	co - che	<i>kereta</i>

Mungkin disebabkan faktor ini, subjek BS menjadi di antara kursus pilihan yang popular setiap semester dan memiliki bilangan pelajar yang tertinggi berbanding bahasa Eropah lain seperti Perancis dan Jerman di UPM. Kajian oleh Konig (2006) di universiti Ankara, Turki mendapati 30 responden dari seratus responden memilih bahawa mempelajari bahasa asing seperti Jerman, Perancis, Itali dan Sepanyol adalah menyeronokkan. Pengkaji pula mendapati 34 responden bersetuju dan 9 responden amat bersetuju bahawa BS adalah menarik berbanding subjek lain.



**Rajah 4.3 Purata min motivasi (keinginan untuk mempelajari BS)**

Bagi memantapkan lagi penguasaan BS, individu tersebut perlu mengambil inisiatif untuk mempraktikkan kemahiran yang dipelajari dengan pengajar atau rakan




sama ada di dalam dan di luar kelas (46.6% pelajar bersetuju dan 34.2% sangat bersetuju) (Jadual 4.5(a)). Responden menunjukkan motivasi yang tertinggi bagi item 3 berbanding item motivasi yang lain (min = 4.12) (Rajah 4.3). Manakala 2.7% sahaja tidak bersetuju menggunakan BS di dalam dan di luar kelas. Responden dilihat berusaha untuk mengaplikasikan BS yang dipelajari seperti berkomunikasi dengan pengajar dan rakan-rakan mereka walaupun tahap BS responden hanya di peringkat asas. Ini menyokong pandangan Gardner (1985:169) iaitu individu yang benar-benar bermotivasi bukan sahaja berusaha untuk mempelajari dan memperolehi bahasa tersebut tetapi juga berusaha untuk mencari peluang lain dalam memperbaiki kemahiran yang dipelajari. Dapatan ini hampir sama dengan kajian oleh Konig (2006) di universiti Ankara, Turki di mana responden amat suka menggunakan bahasa asing yang dipelajari di dalam dan di luar kelas (31 responden) dan kajian oleh pengkaji seramai 34 responden berusaha untuk menggunakan kemahiran BS di dalam dan luar kelas.

Dari analisis di atas pengkaji dapat menyimpulkan bahawa keinginan responden untuk mempelajari BS adalah amat tinggi di mana responden memaparkan tahap motivasi yang tinggi bagi ketiga-tiga item yang disenaraikan.

**Jadual 4.5 (d) Frekuensi (F) dan peratusan (%) motivasi (Kesungguhan Motivasi)**

Motivasi (Kesungguhan motivasi)						
Darjah persetujuan	Item 14 Saya akan tonton rancangan BS di TV		Item 16 Saya akan dengar dan hayati lagu BS di radio		Item 18 Saya akan cari sumber lain tentang BS di internet	
	F	%	F	%	F	%
Sangat tidak setuju	1	1.4	8	11.0	2	2.7
Tidak setuju	8	11.0	22	30.1	13	17.8
Tidak pasti	19	26.0	13	17.8	24	32.9
Setuju	34	46.6	8	11.0	24	32.9
Sangat setuju	11	15.1	22	30.1	10	13.7
Jumlah	73	100.0	73	100.0	73	100.0



**Rajah 4.4 Purata min motivasi (kesungguhan motivasi)**

Bagi item kesungguhan motivasi pula, sebanyak 46.6% responden bersetuju dan 15.1% sangat bersetuju dengan kenyataan '*Sekiranya terdapat rancangan yang berkaitan dengan BS di kaca televisyen saya akan menontonnya*' (Jadual 4.5 (d)). Hanya 1.4% sahaja tidak bersetuju. Ini menandakan responden memiliki kesungguhan yang tinggi dalam mempelajari BS (min = 3.63) (Rajah 4.4). Responden secara sukarela akan menonton program BS di kaca televisyen dan tidak dipaksa oleh sesiapa. Motivasi ini timbul secara semulajadi dalam diri mereka. Mungkin disebabkan pengaruh telenovela Sepanyol yang kian popular, maka mendorong responden untuk menontonnya.

Sebanyak 30.1% sangat bersetuju dan 11.0% bersetuju dengan kenyataan '*Saya akan mendengar dan menghayati lagu BS sekiranya diputarkan di saluran radio*'. Responden menunjukkan kesungguhan yang agak tinggi bagi item ini (m = 3.19) (Rajah 4.4) jika lagu BS dialunkan di corong-corong radio. Mungkin disebabkan pengaruh

telenovela Sepanyol dan sedikit pengetahuan yang diperolehi ketika mengikuti kelas BS maka responden cuba untuk memahami apa yang dituturkan oleh penyanyi tersebut.


Bagi item 'Saya akan mencari sumber tambahan lain tentang BS seperti di laman web tertentu', sebanyak 13.7% responden sangat bersetuju dan 32.9% bersetuju. Responden juga menunjukkan kesungguhan yang tinggi dalam mempelajari BS iaitu ( $m = 3.37$ ) (Rajah 4.4). Ini menggambarkan ketekunan responden yang tinggi dalam mendapatkan sumber-sumber lain sebagai pengetahuan tambahan mereka. Dalam dunia teknologi maklumat hari ini responden amat mudah dan pantas memperolehi informasi tentang BS melalui internet. Ia juga menandakan responden tidak terlalu bergantung kepada pengajar sepenuhnya dalam memperolehi pengetahuan tentang BS. Sekali lagi, hasil analisis item ini dapat menyokong pandangan Gardner (1985) tentang individu yang benar-benar bermotivasi bukan sahaja berusaha untuk mempelajari dan memperolehi bahasa tersebut tetapi juga berusaha untuk mencari peluang lain dalam memperbaiki kemahiran yang dipelajari.

Disimpulkan bahawa responden memiliki tahap motivasi yang tinggi bagi ketiga-tiga item yang disenaraikan. Tiada yang menunjukkan motivasi yang rendah. Ini menandakan responden memiliki tahap kesungguhan yang kuat terhadap pembelajaran BS.

**Jadual 4.5 (e) Frekuensi (F) dan peratusan (%) motivasi (Sikap Terhadap Pembelajaran BS)**

<b>Motivasi (Sikap Terhadap Pembelajaran BS)</b>						
Darjah Persetujuan	<b>Item 15</b>		<b>Item 17</b>		<b>Item 19</b>	
	Seronok mempelajari BS		Suka mempelajari BS		Belajar BS ke tahap seterusnya	
	F	%	F	%	F	%
Sangat tidak setuju	0	0	1	1.4	2	2.7
Tidak setuju	0	0	4	5.5	10	13.7
Tidak pasti	1	1.4	9	12.3	45	61.6
Setuju	24	32.9	52	71.2	15	20.5
Sangat setuju	48	65.8	7	9.6	1	1.4
Jumlah	73	100.0	73	100.0	73	100.0

Seterusnya, bagi item sikap terhadap pembelajaran BS (Jadual 4.5(e), sebanyak 65.8 % sangat bersetuju dan 32.9% bersetuju bagi item ‘*Saya berasa sungguh seronok mempelajari BS*’. Tiada responden yang menolak kenyataan ini. Jika dilihat dari analisis tersebut, responden menggambarkan perasaan keseronokan ketika mengikuti kelas BS ( $m = 4.64$ ) (Rajah 4.5). Kajian oleh Davis dan Markham (1991) mendapati majoriti pelajar (81%) merasakan mempelajari bahasa asing adalah pengalaman yang menyeronokkan. Mungkin responden menganggap BS adalah mudah dipelajari kerana mengandungi banyak perkataan yang hampir sama dengan bahasa Inggeris maka, ia menimbulkan keseronokan untuk mengikuti kelas BS. Ini berbeza dengan kursus pengajian mereka seperti kejuruteraan, sains, matematik dan sebagainya yang memerlukan penumpuan yang tinggi maka, sedikit sebanyak memberikan tekanan kepada mereka.



**Rajah 4.5 Purata min motivasi (sikap terhadap pembelajaran BS)**

Bagi item '*Saya suka mempelajari BS*' pula sebanyak 71.2% responden bersetuju dan 9.6% sangat bersetuju. Responden menunjukkan tahap motivasi yang tinggi ( $m = 3.82$ ) bagi item ini (Rajah 4.5). Selain perasaan keseronokan responden juga menyatakan suka ketika mengikuti kelas BS.

Oleh kerana wujudnya perasaan keseronokan dan suka mempelajari BS lantas menimbulkan sedikit dorongan bagi responden untuk mempelajari BS ke tahap yang seterusnya. Sebanyak 20.5% bersetuju dan 1.4% bersetuju untuk meneruskan kursus ini kelak. Ada juga responden yang tidak pasti dengan kenyataan ini (61.6% tidak pasti) (Jadual 4.5(e)). Mungkin responden tidak mahu terburu-buru dengan hasrat tersebut kerana mahu menduduki peperiksaan akhir BS terlebih dahulu dan mengetahui sejauh mana tahap pencapaian BS mereka. Kemudian barulah mereka memutuskan cadangan untuk meneruskan kursus ini atau sebaliknya. Walaubagaimanapun, responden masih menunjukkan tahap motivasi yang tinggi ( $m = 3.04$ ) bagi item ini (Rajah 4.5).

Menurut Gardner (1985) terdapat tiga ciri-ciri motivasi iaitu kesungguhan motivasi, keinginan untuk mempelajari bahasa dan sikap terhadap pembelajaran bahasa yang digambarkan dalam model '*socio-educational*' pemerolehan bahasa kedua. Gardner mengatakan individu yang benar-benar bermotivasi akan menunjukkan kesemua ciri tersebut. Gardner (2005) berpendapat individu yang bermotivasi adalah bermatlamat, meluaskan usaha dalam mencapai sesuatu matlamat, menunjukkan minat/perhatian, kesungguhan/ketekunan dan semangat yang tinggi, menunjukkan keinginan yang kuat untuk mencapai sesuatu matlamat, berasa seronok dengan aktiviti yang dilakukan, memiliki jangkaan tentang kejayaan dan kegagalan serta mempunyai penyebab dalam melakukan sesuatu iaitu motif. Dalam kajian ini pengkaji mendapati majoriti responden menggambarkan tahap motivasi yang tinggi bagi ketiga-tiga ciri motivasi yang dinyatakan. Ini dapat menyokong kenyataan tersebut.

Oleh yang demikian, berdasarkan analisis motivasi secara keseluruhan responden mempamerkan tahap motivasi yang tinggi bagi ketiga-tiga item tersebut (keinginan untuk mempelajari BS, kesungguhan dalam mempelajari BS dan sikap terhadap pembelajaran BS). Responden berkeinginan tinggi untuk mempelajari dan mengikuti kelas BS kerana berpandangan ia adalah menarik berbanding subjek lain. Walaupun hanya menguasai sedikit kemahiran BS mereka berinisiatif untuk mengaplikasikan bahasa yang dipelajari dengan guru, rakan-rakan dan ahli keluarga mereka. BS merupakan salah satu subjek bahasa asing yang popular dan mempunyai jumlah pelajar yang tertinggi di kalangan bahasa Eropah lain di FBMK, UPM maka, ia meningkatkan lagi motivasi mereka untuk mempelajari BS. Tambahan lagi, sejak kebelakangan ini banyak rancangan-rancangan di dalam BS sering ditayangkan di kaca televisyen. Tidak dinafikan banyak perkataan BS yang hampir sama dan mempunyai maksud yang hampir sama kepada bahasa Inggeris, merupakan penyumbang kepada motivasi yang tinggi oleh responden dalam kajian ini. Kesungguhan responden dalam mempelajari BS juga adalah tinggi. Mereka berusaha untuk mengukuhkan lagi kemahiran BS yang dipelajari melalui televisyen, radio mahupun di internet. Ini menggambarkan responden tidak terlalu bergantung sepenuhnya kepada pengajar dalam pemberian bahan-bahan pembelajaran. Melalui analisis ini juga didapati sikap responden terhadap pembelajaran BS adalah positif. Mereka berpendapat kelas BS adalah menyeronokkan lantas menerbitkan perasaan suka dan berhasrat untuk meneruskan kursus ini ke peringkat yang seterusnya. Dengan keinginan, kesungguhan dan sikap yang positif terhadap pembelajaran BS maka wujudlah individu yang benar-benar bermotivasi. Individu yang bermotivasi tinggi adalah penting dalam menentukan kesemua aspek kemahiran bahasa yang akan diperolehi oleh responden.

Gardner (1985) berpendapat individu yang mempelajari bahasa akan menunjukkan tahap motivasi yang tinggi sekiranya mereka memiliki tujuan integratif.

Walaupun bagaimanapun, dari analisis dapatan pengkaji melaporkan sebaliknya, di mana responden yang memiliki tahap motivasi yang tinggi di dalam pembelajaran BS adalah mereka yang bertujuan instrumental seperti untuk meningkatkan gred dan menamatkan pengajian. Dapatan ini juga menyangkal pandangan oleh Gardner (1985) bahawa kesemua ciri-ciri motivasi tersebut menggambarkan keseluruhan pernyataan individu dan bukannya minat yang mudah ke atas bahasa dan bukannya untuk mempelajari sesuatu disebabkan tekanan situasi seperti peperiksaan atau memenuhi kehendak guru atau ibu-bapa. Dalam kajian ini, motivasi responden dalam mempelajari BS adalah disebabkan tujuan instrumental seperti meningkatkan gred di dalam peperiksaan.

Secara kesimpulan, kesemua responden menggambarkan tahap motivasi yang tinggi bagi kesemua item motivasi yang disenaraikan. Majoriti responden menyatakan mereka merasai keseronokan ketika mengikuti kelas BS iaitu tahap motivasi yang tertinggi (min = 4.64) (Rajah 4.5) berbanding item motivasi yang lain. Walaupun responden memilih tujuan instrumental di dalam pembelajaran BS namun ia tidak menghalang motivasi mereka untuk mempelajari BS dengan lebih giat, bersungguh-sungguh dan tekun.

### **4.3 Hubungan di Antara Orientasi dan Motivasi Responden dengan Pencapaian BS**

Kajian ini juga ingin mengetahui hubungan di antara orientasi dan motivasi pelajar dengan pencapaian mereka dalam subjek BS. Responden diminta membulatkan Skala Likert pilihan mereka. Terdapat dua fokus utama dalam kenyataan soal selidik iaitu lima item berorientasi integratif, lima item berorientasi instrumental dan sembilan item lagi adalah mengenai motivasi. Tahap signifikan bagi korelasi dalam kajian ini ialah pada nilai  $\alpha$  .05 ( $p < 0.05$ ). Seterusnya apabila disebut signifikan bermakna signifikan dengan nilai yang lebih rendah daripada aras 0.05. Bagi melihat gambaran

perhubungan yang jelas di antara komponen orientasi dan motivasi pelajar dengan pencapaian BS mereka hasil analisis *crosstabs* akan diperjelaskan.

Pengkaji akan membincangkan hasil analisis data bagi item orientasi integratif terlebih dahulu dan seterusnya item-item yang lain. Hasil analisis korelasi antara item orientasi integratif dan pencapaian dapat dilihat dalam Jadual 4.6(a) di bawah.

**Jadual 4.6(a) Korelasi di antara Orientasi Integratif dengan Gred Peperiksaan Responden**

<b>Orientasi</b>	<b>Min (M)</b>	<b>Pearson Correlation (r)</b>	<b>Sig. (2-tailed) (p)</b>
<b>Orientasi Integratif</b>			
1. Faham dan menonton filem Sepanyol dalam bahasa asal mereka	3.88	0.00	0.97
2. Nada bunyi menarik	4.19	- 0.11	0.35
3. Faham budaya masyarakat Sepanyol	4.14	- 0.16	0.17
4. Berjumpa dan berkomunikasi dengan penutur natif BS	1.32	- 0.05	0.65
5. Libatkan diri dalam aktiviti budaya komuniti BS	1.96	0.12	0.33

**p > 0.05 ( tiada hubungan yang signifikan)**

Dalam Jadual 4.6(a) analisis korelasi (r) bagi item orientasi integratif '*Saya mempelajari BS kerana membolehkan saya memahami dan menonton filem Sepanyol dalam bahasa asal mereka*' menunjukkan tiada hubungan yang signifikan dengan gred peperiksaan responden, (r = 0.00, p = > 0.97) dan purata skor min ialah positif (m = 3.88).

Bagi item '*Saya mempelajari BS kerana nada bunyinya menarik*' analisis korelasi (r) juga menunjukkan tidak signifikan (r = - 0.11, p = > 0.35) dan purata skor min ialah positif (m = 4.19).

Analisis korelasi (r) bagi item '*Kemahiran BS membantu saya untuk memahami budaya masyarakat Sepanyol*' memaparkan tiada hubungan yang signifikan dengan



gred peperiksaan responden ( $r = -0.16$ ,  $p = > 0.17$ ) dan skor min ialah positif ( $m = 4.14$ ).

Manakala, bagi item '*Menguasai BS membolehkan saya berjumpa dan berkomunikasi dengan penutur natif BS*' analisis korelasi ( $r$ ) menunjukkan tidak signifikan dengan gred peperiksaan responden ( $r = -0.05$ ,  $p = > 0.65$ ) dan purata skor min adalah negatif ( $m = 1.32$ ).

Bagi item terakhir orientasi integratif juga menunjukkan tiada hubungan yang signifikan dengan pencapaian bahasa responden ( $r = 0.12$ ,  $p = > 0.33$ ) dan purata skor min juga negatif ( $m = 1.96$ ).

Didapati tiada satu pun pembolehubah memiliki hubungan yang signifikan dengan pencapaian bahasa responden kerana nilai signifikan adalah lebih besar dari  $p < 0.05$ . Ini menandakan pembolehubah orientasi integratif tidak berkait langsung dengan gred peperiksaan responden.

**Jadual 4.6(b) Korelasi di Antara Orientasi Instrumental dengan Gred Peperiksaan Responden**

<b>Orientasi</b>	<b>Min (M)</b>	<b>Pearson Correlation (r)</b>	<b>Sig. (2-tailed) (p)</b>
<b>Orientasi Instrumental</b>			
1. Belajar BS untuk dapat kerja yang baik	3.65	-0.14	0.25
2. Belajar BS untuk tingkatkan gred dan tamatkan pengajian	3.55	0.15	0.21
3. BS adalah bahasa asing penting di peringkat global maka saya akan perlukan di masa hadapan kelak	4.22	0.02	0.89
4. Bijak jika mengetahui BS	3.44	-0.16	0.19
5. Ingin kunjungi negara yang menuturkan BS	4.55	-0.03	0.78

**$p > 0.05$  ( tiada hubungan yang signifikan)**

Seterusnya, daripada Jadual 4.6(b), hasil analisis korelasi ( $r$ ) bagi item orientasi instrumental menunjukkan tiada hubungan yang signifikan dengan gred peperiksaan

responden, ( $r = -0.14$ ,  $p = > 0.25$ ) dan purata skor min ialah positif ( $m = 3.65$ ) bagi item *'Belajar BS untuk mendapatkan kerja yang baik'*.

Item yang kedua *'Belajar BS untuk meningkatkan gred dan menamatkan pengajian'* juga menunjukkan tiada hubungan yang signifikan dengan pencapaian bahasa responden, ( $r = 0.15$ ,  $p = > 0.21$ ) dan purata skor min ialah positif ( $m = 3.55$ ).

Analisis korelasi ( $r$ ) menunjukkan hubungan yang tidak signifikan dengan gred peperiksaan responden ( $r = 0.02$ ,  $p = > .89$ ) dan purata skor min adalah positif ( $m = 4.22$ ) bagi item *'BS adalah bahasa asing penting di peringkat global maka saya akan memerlukannya di masa hadapan kelak'*.

Analisis korelasi ( $r$ ) bagi item *'Dianggap bijak jika mengetahui BS'* menunjukkan tiada hubungan yang signifikan dengan gred peperiksaan responden, ( $r = -0.16$ ,  $p = > 0.19$ ) dan purata skor min adalah positif ( $m = 3.44$ ).

Bagi item terakhir orientasi instrumental juga menunjukkan tiada hubungan yang signifikan dengan pencapaian bahasa responden ( $r = -0.03$ ,  $p = > 0.78$ ) dan purata skor min ialah positif ( $m = 4.55$ ).

Daripada analisis data di atas, memaparkan tiada satu pun pembolehubah memiliki korelasi dengan pencapaian bahasa responden kerana nilai signifikan adalah lebih besar dari  $p < 0.05$ . Ini menandakan pembolehubah orientasi instrumental tidak berkait langsung dengan gred peperiksaan responden.

**Jadual 4.6(c) Korelasi di antara Keinginan untuk Mempelajari BS dengan Gred Peperiksaan Responden**

Motivasi	Min (M)	Pearson Correlation (r)	Sig. (2-tailed) (p)
<b>Keinginan untuk Mempelajari BS</b>			
1. Belajar dan ikuti kelas BS di universiti	4.08	-0.04	0.74
2. BS adalah menarik berbanding subjek lain	3.60	-0.09	0.47

3. Gunakan kemahiran BS di dalam dan luar kelas	4.12	0.00	0.99
---	------	------	------

**p > 0.05 ( tiada hubungan yang signifikan)**

Bagi item motivasi yang pertama iaitu keinginan untuk mempelajari BS, analisis korelasi (r) menunjukkan tiada hubungan yang signifikan dengan gred peperiksaan responden, (r = -0.04, p = > 0.74) dan purata skor min adalah tinggi (m = 4.08) iaitu 'Saya akan mempelajari dan mengikuti kelas BS di universiti' (Jadual 4.6(c)).

Item yang kedua 'Saya dapati mempelajari BS adalah sangat menarik berbanding subjek lain' juga menunjukkan tiada hubungan yang signifikan dengan pencapaian bahasa responden, (r = - 0.09, p = > 0.47) dan purata skor min adalah tinggi (m = 3.60).

Bagi item terakhir 'Saya akan menggunakan kemahiran BS di dalam dan luar kelas' analisis korelasi (r) menunjukkan hasil yang sama iaitu tiada hubungan yang signifikan (r = 0.00, p = > 0.99) dan purata skor min adalah tinggi (m = 4.12).

Melalui analisis item keinginan untuk mempelajari BS secara keseluruhan, memaparkan tiada satu pun pembolehubah memiliki korelasi dengan pencapaian bahasa responden kerana nilai signifikan adalah lebih besar dari p < 0.05. Ini menandakan kesemua pembolehubah motivasi tersebut tidak berkait langsung dengan pencapaian bahasa responden.

**Jadual 4.6(d) Korelasi di Antara Kesungguhan Motivasi dengan Gred Peperiksaan Responden**

Motivasi	Min (M)	Pearson Correlation (r)	Sig. (2-tailed) (p)
1. Tonton rancangan BS di TV	3.63	0.01	0.91
2. Dengar dan hayati lagu BS di radio	3.19	0.03	0.77
3. Cari sumber lain tentang BS di Internet	3.37	0.09	0.42

**p > 0.05 ( tiada hubungan yang signifikan)**

Bagi item kesungguhan motivasi (Jadual 4.6(d) pula, menunjukkan kesemua item tiada hubungan yang signifikan dengan gred peperiksaan responden. Item ‘*Sekiranya terdapat rancangan yang berkaitan dengan BS di kaca televisyen saya akan menontonnya*’, analisis korelasi (r) menunjukkan tiada hubungan yang signifikan dengan gred peperiksaan responden iaitu ( $r = 0.01$ ,  $p = > 0.91$ ) dan purata skor min adalah tinggi ( $m = 4.08$ ).

Item yang kedua iaitu ‘*Saya akan mendengar dan menghayati lagu BS sekiranya diputarkan di saluran radio*’, analisis korelasi (r) juga menunjukkan tiada hubungan yang signifikan dengan gred peperiksaan responden ( $r = 0.03$ ,  $p = > 0.77$ ) dan purata skor min adalah tinggi ( $m = 3.19$ ).

Manakala item terakhir iaitu ‘*Saya akan mencari sumber tambahan lain tentang BS seperti di laman web tertentu*’, analisis korelasi (r) menunjukkan hasil yang sama iaitu tiada hubungan yang signifikan ( $r = 0.09$ ,  $p = > 0.42$ ) dan purata skor min juga adalah tinggi ( $m = 3.37$ ).

Daripada analisis data di atas, didapati tiada satu item kesungguhan motivasi memiliki hubungan yang signifikan dengan pencapaian bahasa responden kerana nilai signifikan adalah lebih besar dari  $p < 0.05$ . Ini menandakan pembolehubah kesungguhan motivasi tidak berkait langsung dengan gred peperiksaan responden.

**Jadual 4.6(e) Korelasi di Antara Sikap Terhadap Pembelajaran BS dengan Gred Peperiksaan Responden**

Motivasi	Min (M)	Pearson Correlation (r)	Sig. (2-tailed) (p)
1. Seronok mempelajari BS	4.64	0.06	0.59
2. Suka mempelajari BS	3.82	-0.03	0.83
3. Belajar BS ke tahap seterusnya	3.04	-0.13	0.26

**$p > .05$  (tiada hubungan yang signifikan)**

Item motivasi yang seterusnya ialah sikap terhadap pembelajaran BS. Dari Jadual 4.6(e), analisis korelasi ( $r$ ) bagi item ‘*Saya berasa sungguh seronok mempelajari BS*’ menunjukkan tiada hubungan yang signifikan dengan gred peperiksaan responden, ( $r = 0.06$ ,  $p = > 0.59$ ) dan purata skor min adalah tinggi ( $m = 4.64$ ).

Bagi item ‘*Saya suka mempelajari BS*’ juga menunjukkan tiada hubungan yang signifikan dengan gred peperiksaan responden, ( $r = -0.03$ ,  $p = > 0.83$ ) dan purata skor min adalah tinggi ( $m = 3.82$ )

Pencapaian bahasa responden juga tidak berkorelasi dengan item ‘*Saya bercadang untuk mempelajari BS ke tahap yang seterusnya*’, ( $r = -0.13$ ,  $p = > 0.26$ ) dan purata skor min adalah tinggi ( $m = 3.04$ ).

Dari analisis data bagi item sikap terhadap pembelajaran BS, menggambarkan tiada satu pun pembolehubah memiliki korelasi yang signifikan dengan pencapaian bahasa responden. Ini kerana kesemua nilai signifikan yang dipaparkan adalah lebih besar dari  $p < 0.05$ . Ini menandakan kesemua pembolehubah sikap terhadap pembelajaran BS tidak berkait langsung dengan gred yang diperolehi oleh responden.

Kemudian, bagi melihat gambaran perhubungan yang jelas di antara komponen orientasi dan motivasi pelajar dengan pencapaian BS mereka, hasil analisis *crosstabs* akan dibincangkan oleh pengkaji. Ia dapat dinyatakan di dalam Jadual 4.6(f).

**Jadual 4.6(f) Krostabulasi Antara Komponen Orientasi Dan Motivasi Dengan Pencapaian**

Item orientasi dan motivasi	Tahap orientasi dan motivasi	Pencapaian				Jumlah responden
		Tinggi / Cemerlang	Baik	Rendah	Lemah	
		A	B	C	D	
<b>Orientasi integratif</b>						
1. Memahami dan menonton filem Sepanyol	Positif	19	<b>28</b>	18	3	<b>68</b>
	Negatif	1	4	0	0	5
2. Nada bunyinya menarik	Positif	19	<b>31</b>	18	3	<b>71</b>
	Negatif	1	1	0	0	2

3. Memahami budaya penutur masyarakat Spanyol	Positif	20	<b>29</b>	18	3	<b>70</b>
	Negatif	0	3	0	0	3
4. Berjumpa dan berkomunikasi dengan penutur natif BS	Positif	1	2	0	0	3
	Negatif	19	<b>30</b>	18	3	<b>70</b>
5. Melibatkan diri di dalam aktiviti budaya komuniti BS	Positif	4	5	3	0	12
	Negatif	16	<b>27</b>	15	3	<b>61</b>
<b>Orientasi instrumental</b>						
6. Mendapatkan pekerjaan yang baik	Positif	15	<b>27</b>	17	3	<b>62</b>
	Negatif	5	5	1	0	11
7. Meningkatkan gred dan menamatkan pengajian	Positif	15	<b>29</b>	11	2	<b>57</b>
	Negatif	5	3	7	1	16
8. Memerlukan BS di masa hadapan kelak	Positif	20	<b>32</b>	18	3	<b>73</b>
	Negatif	0	0	0	0	0
9. Bijak jika mengetahui BS	Positif	15	<b>25</b>	16	3	<b>59</b>
	Negatif	5	7	2	0	14
10. Mengunjungi negara yang menuturkan BS	Positif	20	<b>32</b>	18	3	<b>73</b>
	Negatif	0	0	0	0	0
<b>Motivasi</b>						
11. Mempelajari dan mengikuti kelas BS	Tinggi	20	<b>29</b>	18	3	<b>70</b>
	Rendah	0	3	0	0	3
12. BS sangat menarik berbanding subjek lain	Tinggi	17	<b>29</b>	16	3	<b>65</b>
	Rendah	3	3	2	0	8
13. Guna kemahiran BS dalam dan luar kelas	Tinggi	19	<b>31</b>	18	3	<b>71</b>
	Rendah	1	1	0	0	2
14. Rancangan BS di kaca televisyen saya akan menontonnya	Tinggi	18	<b>26</b>	17	3	<b>64</b>
	Rendah	2	6	1	0	9
15. Mendengar dan menghayati lagu BS di saluran radio	Tinggi	13	<b>21</b>	7	2	<b>43</b>
	Rendah	7	11	11	1	30
16. Mencari sumber tambahan lain	Tinggi	15	<b>26</b>	15	2	<b>58</b>
	Rendah	5	6	3	1	15
17. Sungguh seronok mempelajari BS	Tinggi	20	<b>32</b>	18	3	<b>73</b>
	Rendah	0	0	0	0	0
18. Mempelajari BS ke tahap yang seterusnya	Tinggi	15	<b>27</b>	16	3	<b>61</b>
	Rendah	5	5	2	0	12
19. Suka mempelajari BS	Tinggi	18	<b>30</b>	18	2	<b>68</b>
	Rendah	2	2	0	1	5

Dari Jadual 4.6(f), item orientasi integratif 1, 2 dan 3 menunjukkan, majoriti responden yang memiliki tahap orientasi integratif yang positif (68, 71 dan 70 responden) adalah cenderung ke arah pencapaian BS yang baik sahaja (gred B) (28, 31 dan 29 orang responden). Begitu juga bagi majoriti responden yang berorientasi negatif terhadap item 4 (70 orang responden) dan item 5 (61 orang responden) dipaparkan hanya memperolehi pencapaian bahasa yang baik (30 dan 27 orang responden).

Manakala, bagi kesemua item orientasi instrumental, didapati bahawa majoriti responden mempamerkan tujuan instrumental yang positif terhadap pembelajaran BS (angka digelapkan). Responden yang berorientasi instrumental positif juga lebih cenderung untuk mencapai tahap bahasa yang baik sahaja (gred B) (angka digelapkan).

Jika dilihat bagi kesemua item motivasi pula, dilaporkan bahawa majoriti responden adalah bermotivasi tinggi terhadap pembelajaran BS (angka digelapkan). Mereka juga memaparkan lebih cenderung untuk memperolehi gred B berbanding gred A (angka digelapkan).

Oleh yang demikian, berdasarkan hasil analisis di atas secara keseluruhan, didapati tidak wujud hubungan yang signifikan atau korelasi di antara kesemua item orientasi dan motivasi dengan pencapaian bahasa responden. Ini menggambarkan bahawa pencapaian yang diperolehi oleh responden tidak ada kaitan sama sekali dengan orientasi dan motivasi mereka terhadap pembelajaran BS. Sejauh mana tahap orientasi integratif, instrumental dan motivasi responden, ianya tidak mempengaruhi mereka untuk mencapai tahap pencapaian bahasa yang tinggi. Didapati, walaupun majoriti responden memiliki tahap orientasi instrumental yang positif bagi kesemua item instrumental, majoriti mereka lebih cenderung memperolehi tahap pencapaian bahasa yang baik iaitu gred B sahaja. Begitu juga bagi majoriti responden yang memiliki tahap orientasi integratif yang negatif bagi item '*Menguasai BS membantu saya untuk berjumpa dan berkomunikasi dengan penutur natif BS*' dan '*Saya mempelajari BS*'

*kerana ia membolehkan saya melibatkan diri dalam aktiviti budaya komuniti BS'* juga mempamerkan pencapaian BS di tahap baik (gred B). Manakala, responden yang memaparkan tahap motivasi yang tinggi bagi kesemua item motivasi juga memaparkan pencapaian yang sama dalam pembelajaran BS. Fenomena ini dapat menjelaskan bahawa orientasi dan motivasi responden kurang merangsangkan dalam meningkatkan pencapaian BS mereka.

Oleh itu, pengkaji merumuskan korelasi populasi kajian ini adalah kosong atau tidak wujud langsung. Hipotesis oleh Gardner (1985) yang menyatakan orientasi dan motivasi memiliki hubungan yang signifikan dengan pencapaian dan mempunyai kesan secara langsung kepada pencapaian bahasa adalah tidak sama dengan hasil dapatan pengkaji. Ini kerana dapatan kajian pengkaji menunjukkan kesemua item orientasi dan motivasi tiada hubungan yang signifikan dengan pencapaian dan tidak mempengaruhi langsung pencapaian mereka. Kajian oleh Gardner dan Lambert (1959) mengatakan terdapat hubungan di antara orientasi integratif dan pencapaian. Kajian oleh Lukmani (1972) di India pula melaporkan wujud hubungan yang positif di antara pencapaian bahasa Inggeris dan orientasi instrumental. Didapati tiada hubungan yang signifikan di antara soal selidik oleh Gardner dan Lambert (1972) dan beberapa ujian bahasa (pendengaran, lisan dan sebagainya). Wujud korelasi di antara sikap pelajar terhadap bahasa Hebrew dan pencapaian ( $p < 0.01$  dan  $r = 0.20$ ) (Ravid, 1987). Dörnyei (1990) menyatakan korelasi bagi orientasi integratif akan lebih tinggi berbanding orientasi instrumental dalam pembelajaran bahasa kedua dan ia berlawanan dengan persekitaran bahasa asing. Masgoret dan Gardner (2003) pula dalam kajian mereka mendapati korelasi adalah tinggi bagi orientasi integratif berbanding orientasi instrumental dalam konteks bahasa kedua dan bahasa asing. Haniza (2003) dalam kajian sikap dan tahap motivasi pelajar terhadap bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sebuah institusi pengajian tinggi teknikal swasta di Kuala Lumpur menunjukkan terdapat hubungan di



antara sikap dan motivasi dengan pencapaian peperiksaan bahasa Inggeris. Kesemua hasil kajian yang dinyatakan di atas adalah bertentangan dengan hasil dapatan pengkaji.

Pengkaji mendapati dapatan kajian ini adalah hampir sama dan menyokong dapatan kajian oleh Kato, Yasumoto dan Van Aacken (2007) yang membuat kajian ke atas motivasi pelajar Jepun yang mempelajari bahasa Jepun di empat buah universiti di luar negara iaitu tiga di Australia dan satu di Amerika. Dapatan menunjukkan kedua-dua orientasi motivasi iaitu integratif dan instrumental tidak ada kaitan langsung dengan pencapaian bahasa mereka. Malahan, dapatan ini juga menyokong kajian oleh Ibtisam (1999) ke atas pelajar Universiti Islam Antarabangsa (UIA) terhadap subjek bahasa Arab. Hasil kajian mendapati tiada korelasi wujud antara sikap terhadap bahasa Arab dan pencapaian pelajar dalam kursus bahasa Arab di mana ia sebagai medium pengajaran. Dapatan kajian ini dapat menyokong sedikit kajian oleh Chihara dan Oller (1978) yang menyatakan tiada hubungan yang signifikan diperolehi di antara orientasi integratif dan kecekapan bahasa Inggeris.

Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan wujud sifat tidak mengambil peduli atau menghiraukan keperluan penguasaan BS di Malaysia. Kepentingan dan keperluan penggunaan BS hanya wujud sekiranya ia memberi kebaikan kepada diri sendiri seperti untuk meningkatkan gred dan memperolehi kerjaya yang baik. Tambahan pula, bilangan penutur BS di Malaysia adalah amat terhad. Oleh itu, responden beranggapan bahawa mereka tidak akan disisihkan oleh rakan atau keluarga sekiranya tidak menguasai kemahiran BS. Sebaliknya, mereka akan menggunakan bahasa ibunda masing-masing ketika berkomunikasi sesama rakan dan keluarga. Tambahan lagi, BS yang dipelajari oleh responden merupakan subjek elektif (pilihan) dan bukannya subjek wajib seperti kejuruteraan, sains, perakaunan dan sebagainya. Malahan, jumlah jam pembelajaran BS hanyalah tiga jam dalam seminggu berbanding subjek pengajian utama mereka. Responden juga tidak memperolehi pendedahan yang mencukupi

tentang budaya dan cara hidup masyarakat penutur Sepanyol yang sebenar di mana ia hanya berlaku di dalam kelas formal. Oleh yang demikian, kesemua faktor ini tidak dapat membantu dan mempengaruhi responden untuk mencapai pencapaian BS yang tinggi (gred A).

Berdasarkan hasil kajian ini, pengkaji menyimpulkan bahawa tidak wujud hubungan yang signifikan atau korelasi di antara kesemua item orientasi dan motivasi yang disenaraikan dengan tahap pencapaian bahasa responden. Walaupun responden memiliki tahap orientasi yang positif atau negatif dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran BS, namun ia tidak dapat membantu dan mempengaruhi mereka untuk memperolehi tahap pencapaian bahasa yang tinggi.

#### **4.4 Perbandingan Orientasi dan Motivasi Responden Melayu, Cina dan India Di Dalam Pembelajaran BS**

Setiap individu mempunyai tahap orientasi dan motivasi yang berbeza-beza dalam pembelajaran sama ada positif atau negatif dan tinggi atau rendah. Oleh itu, ujian ANOVA dilakukan bagi mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan min orientasi dan motivasi yang signifikan di antara kumpulan etnik (Melayu, Cina dan India). Sekiranya ujian ANOVA menunjukkan perbezaan yang signifikan, maka ujian Pos Hoc ANOVA Tukey HSD dijalankan bagi menentukan kumpulan etnik mana yang berbeza secara signifikan. Dalam analisis ini signifikan statistik pada aras  $p < 0.05$  akan digunakan. Bagi menafsirkan tahap orientasi dan motivasi responden terhadap pembelajaran BS, pengkaji telah membuat skala kenyataan yang bermula dari 1.00-5.00. Dalam kajian ini pengkaji merumuskan petunjuk tahap orientasi dan motivasi seperti dalam Jadual 4.7(a) di bawah.

**Jadual 4.7(a) Petunjuk tahap orientasi dan motivasi responden berdasarkan skor min**

Skor Min	Tahap orientasi	Tahap motivasi
1.00 – 3.00	Negatif	Rendah
3.01 – 5.00	Positif	Tinggi

Jadual 4.7(b) menunjukkan hasil analisis min, sisihan piawai dan ANOVA bagi melihat perbandingan tahap orientasi oleh pelajar Melayu, Cina dan India.

**Jadual 4.7(b) Min, Sisihan Piawai dan ANOVA orientasi integratif**

Orientasi	Bangsa	Min (M)	Sisihan piawai (SD)	F	Sig. (p)
<b>Orientasi integratif</b>					
1. Memahami dan menonton filem Sepanyol dalam bahasa asal mereka	Melayu	4.33	0.66	15.56	0.000*
	Cina	3.27	0.91		
	India	4.23	0.73		
	Jumlah	3.88	0.93		
2. Nada bunyi menarik	Melayu	4.53	0.57	11.79	0.000*
	Cina	3.77	0.68		
	India	4.38	0.65		
	Jumlah	4.19	0.72		
3. Kemahiran BS bantu faham budaya dan masyarakat Sepanyol	Melayu	4.20	0.76	1.39	0.255
	Cina	3.97	0.89		
	India	4.38	0.65		
	Jumlah	4.14	0.80		
4. Berjumpa dan berkomunikasi dengan penutur natif BS	Melayu	1.20	0.41	1.12	0.331
	Cina	1.40	0.67		
	India	1.38	0.51		
	Jumlah	1.32	0.55		
5. Libatkan diri dalam aktiviti budaya komuniti BS	Melayu	1.80	0.71	3.22	0.046
	Cina	2.27	1.14		
	India	1.62	0.51		
	Jumlah	1.96	0.92		

\* Signifikan  $p < 0.05$

**Jadual 4.7(c) Ujian Pos Hoc ANOVA Tukey HSD**

<b>Orientasi Integratif</b>	<b>Kumpulan etnik</b>	<b>Perbezaan min</b>	<b>Sig. (p)</b>
1. Memahami dan menonton filem Sepanyol dalam bahasa asal mereka	Melayu – Cina	1.07	0.000*
	India – Cina	0.96	0.001*
	Melayu – India	-0.10	0.918
2. Nada bunyi menarik	Melayu – Cina	0.77	0.000*
	India – Cina	0.62	0.012*
	Melayu – India	-0.15	0.759

\* Signifikan  $p < 0.05$

Pengkaji akan melihat perbezaan min orientasi item integratif yang pertama iaitu ‘*Saya mengambil subjek BS kerana membolehkan saya memahami dan menonton filem Sepanyol dalam bahasa asal mereka*’. Dalam (Jadual 4.7(b) min bagi responden Melayu ialah (M = 4.33, SD = 0.66) responden India (M = 4.23, SD = 0.73 dan responden Cina (M = 3.27, SD = 0.91). Dari analisis varians (ANOVA) satu hala menunjukkan F adalah signifikan:  $F = 15.56$ ;  $p < 0.05$ . Maka, wujud perbezaan min orientasi yang signifikan di antara Melayu, Cina dan India. Melalui ujian Pos Hoc ANOVA Tukey HSD memaparkan kumpulan etnik yang berbeza secara signifikan pada aras  $p < 0.05$  ialah responden Melayu dengan Cina dan responden India dengan Cina (Jadual 4.7(c). Ini menunjukkan bahawa min orientasi responden Melayu ( $m=4.33$ ) adalah lebih tinggi dari Cina ( $m=3.27$ ) manakala, etnik India mempunyai min orientasi ( $m=4.23$ ) yang lebih tinggi dari Cina ( $m=3.27$ ) Jadual 4.7(b). Namun begitu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kaum etnik Melayu dengan India. Ini menggambarkan bahawa min orientasi kaum etnik Melayu dengan India adalah hampir sama. Didapati responden Melayu lebih menunjukkan orientasi integratif yang kuat terhadap pembelajaran BS berbanding kaum etnik lain. Ini menggambarkan responden Melayu lebih berusaha untuk mendekatkan diri mereka ke atas budaya lain seperti cuba untuk memahami dan meniru pertuturan bahasa BS tersebut. Inilah yang dikatakan oleh Gardner dan Lambert (1972) bahawa motivasi integratif adalah keinginan untuk

menjadi sebahagian dari budaya dan penutur bahasa sasaran. Ketiga-tiga kumpulan responden memaparkan tahap orientasi integratif yang positif.

Bagi kenyataan '*Saya mempelajari BS kerana nada bunyinya menarik*' menunjukkan min responden Melayu ialah ( $M = 4.53$ ,  $SD = 0.57$ ). Manakala min responden India ialah ( $M = 4.38$ ,  $SD = 0.65$ ) dan Cina ( $M = 3.77$ ,  $SD = 0.68$ ) (Jadual 4.7(b)). Analisis varians (ANOVA) satu hala juga menunjukkan F adalah signifikan:  $F = 11.79$ ;  $p < 0.05$ . (Jadual 4.7(b)). Maka, wujud perbezaan min yang signifikan di antara Melayu, Cina dan India. Melalui ujian Pos Hoc ANOVA Tukey HSD memaparkan kumpulan etnik yang berbeza secara signifikan pada aras  $p < 0.05$  ialah responden Melayu dengan Cina dan responden India dengan Cina (Jadual 4.7(c)). Ini menunjukkan bahawa min orientasi responden Melayu ( $m=4.53$ ) adalah lebih tinggi dari Cina ( $m=3.77$ ) manakala, etnik India mempunyai min orientasi ( $m=4.3.8$ ) yang lebih tinggi dari Cina ( $m=3.77$ ) (Jadual 4.7(b)). Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kaum etnik Melayu dengan India. Ini menggambarkan bahawa min orientasi kaum etnik Melayu dengan India adalah hampir sama. Sekali lagi, responden Melayu dipaparkan lebih menunjukkan orientasi integratif yang kuat terhadap pembelajaran BS berbanding yang lain sama seperti kenyataan di atas.

Manakala, analisis varians (ANOVA) satu hala menunjukkan F tidak signifikan bagi kenyataan '*Kemahiran dalam BS membantu saya memahami budaya penutur masyarakat Sepanyol*':  $F = 1.39$ ;  $p > 0.05$  (Jadual 4.7(b)). Maka tidak wujud perbezaan min orientasi yang signifikan di antara kumpulan responden. Ini menggambarkan bahawa min orientasi ketiga-tiga kumpulan responden adalah hampir sama iaitu positif terhadap pembelajaran BS. Responden India menunjukkan min ( $M = 4.38$ ,  $SD = 0.65$ ), Melayu ( $M = 4.20$ ,  $SD = 0.76$ ) dan Cina ( $M = 3.97$ ,  $SD = 0.89$ ) (Jadual 4.7(b)).

Bagi kenyataan '*Menguasai BS membolehkan saya berjumpa dan berkomunikasi dengan penutur natifi BS*' responden Melayu memiliki min ( $M= 1.20$ ,

SD = 0.41), India (M = 1.38, SD = 0.51) dan Cina (M = 1.40, SD = 0.67). Analisis varians (ANOVA) satu hala juga menunjukkan F tidak signifikan:  $F = 1.12$ ;  $p > 0.05$  (Jadual 4.7(b)). Maka tidak wujud perbezaan min orientasi yang signifikan di antara 3 kumpulan responden. Melalui petunjuk skor min, kesemua responden menggambarkan orientasi integratif yang hampir sama iaitu negatif bagi kenyataan ini.

Sekali lagi, analisis varians (ANOVA) satu hala menunjukkan F adalah tidak signifikan:  $F=3.22$ ;  $p > 0.05$  bagi kenyataan '*Saya mempelajari BS kerana membolehkan saya melibatkan diri dalam aktiviti budaya komuniti BS*' (Jadual 4.7(b)). Oleh itu, tidak wujud perbezaan min orientasi yang signifikan di antara Melayu, Cina dan India. Ini menggambarkan bahawa min orientasi bagi ketiga-tiga golongan etnik adalah hampir sama. Responden India memiliki min (M = 1.62, SD = 0.51) manakala min bagi responden Melayu ialah (M = 1.80, SD = 0.71) dan responden Cina (M = 2.27, SD = 1.14). Kesemua golongan etnik mempamerkan orientasi yang negatif terhadap item ini sama seperti kenyataan di atas.

Berdasarkan analisis item orientasi integratif keseluruhan, ketiga-tiga kumpulan responden menggambarkan orientasi yang positif bagi item 1, 2 dan 3 berbanding item 4 dan 5 mempamerkan orientasi yang negatif terhadap pembelajaran BS. Didapati item 1 dan 2 memaparkan perbezaan min orientasi yang signifikan di antara responden Melayu, Cina dan India. Manakala item 3, 4 dan 5 tidak menunjukkan perbezaan min orientasi yang signifikan. Responden Melayu dilihat lebih mempamerkan orientasi integratif yang kuat bagi kedua-dua item yang signifikan ini berbanding responden Cina dan India

**Jadual 4.7(d) Min, Sisihan Piawai dan ANOVA orientasi instrumental**

<b>Orientasi</b>	<b>Bangsa</b>	<b>Min (M)</b>	<b>Sisihan Piawai (SD)</b>	<b>F</b>	<b>Sig. (p)</b>
<b>Orientasi instrumental</b>					
1. Dapat kerja yang baik	Melayu	3.63	0.85	0.68	0.511
	Cina	3.53	1.07		
	India	3.92	1.19		

	Jumlah	3.65	1.00		
2. Tingkatkan gred dan tamatkan pengajian	Melayu	3.77	1.04	1.01	0.368
	Cina	3.33	1.40		
	India	3.53	0.88		
	Jumlah	3.55	1.18		
3. Saya akan perlukan BS di masa hadapan kelak	Melayu	4.03	0.67	2.18	0.120
	Cina	4.37	0.67		
	India	4.31	0.48		
	Jumlah	4.22	0.65		
4. Bijak jika mengetahui BS	Melayu	3.43	0.94	0.31	0.734
	Cina	3.37	1.00		
	India	3.62	0.87		
	Jumlah	3.44	0.94		
5. Ingin kunjungi negara yang tuturkan BS	Melayu	4.53	0.63	2.22	0.116
	Cina	4.43	0.62		
	India	4.85	0.38		
	Jumlah	4.55	0.60		

**Tidak signifikan  $p > 0.05$**

Kenyataan orientasi yang seterusnya adalah bagi item orientasi instrumental. Bagi kenyataan '*Saya mempelajari bahasa Sepanyol untuk mendapatkan pekerjaan yang baik*', responden India memiliki min ( $M = 3.92$ ,  $SD = 1.19$ ), Melayu ( $M = 3.63$ ,  $SD = 0.85$ ) dan Cina ( $M = 3.53$ ,  $SD = 1.07$ ) (Jadual 4.7(d)). Analisis varians (ANOVA) satu hala menunjukkan F tidak signifikan:  $F = 0.68$ ;  $p > 0.05$  (Jadual 4.7(d)). Maka tidak wujud perbezaan min orientasi yang signifikan di antara golongan etnik responden. Ini menandakan bahawa min orientasi ketiga-tiga kumpulan responden adalah hampir sama iaitu positif. Majoriti mereka berpandangan BS yang dipelajari adalah berguna dalam memperolehi kerjaya yang baik.

Purata min kenyataan '*Saya mempelajari bahasa Sepanyol untuk meningkatkan gred dan menamatkan pengajian saya*' bagi Melayu ialah ( $M = 3.77$ ,  $SD = 1.04$ ) berbanding India ( $M = 3.53$ ,  $SD = 0.88$ ) dan Cina ( $M = 3.33$ ,  $SD = 1.40$ ) (Jadual 4.7(d)). Analisis varians (ANOVA) satu hala juga menunjukkan F tidak signifikan:  $F = 1.01$ ;  $p > 0.05$  (Jadual 4.7(d)). Ini menggambarkan bahawa min orientasi ketiga-tiga kumpulan

responden adalah hampir sama iaitu positif terhadap pembelajaran BS. Kesemua golongan etnik mempelajari BS hanya kerana nilai akademik semata-mata iaitu membantu meningkatkan gred kumulatif terkumpul mereka dan sebagai syarat menamatkan pengajian.

Item kenyataan '*BS adalah salah satu bahasa asing yang penting di peringkat global maka saya akan perlukannya di masa hadapan kelak*' responden Cina menunjukkan min ( $M = 4.37$ ,  $SD = 0.67$ ), responden India ialah ( $M = 4.31$ ,  $SD = 0.48$ ) dan Melayu ialah ( $M = 4.03$ ,  $SD = 0.67$ ). Analisis varians (ANOVA) satu hala juga melaporkan F tidak signifikan:  $F = 2.18$ ;  $p > 0.05$  (Jadual 4.7(d)). Ini menunjukkan bahawa min orientasi ketiga-tiga kumpulan responden adalah hampir sama iaitu positif terhadap pembelajaran BS. Didapati kesemua kumpulan responden mengetahui dan sedar akan kepentingan BS di dalam era globalisasi hari ini. Persaingan dalam pencarian pekerjaan kelak memerlukan individu yang memiliki kelebihan dan keistimewaan berbanding orang lain.

Bagi kenyataan '*Orang lain akan menganggap saya seorang yang bijak jika saya mengetahui bahasa Sepanyol*' min responden India adalah ( $M = 3.62$ ,  $SD = 0.87$ ) manakala responden Melayu ( $M = 3.43$ ,  $SD = 0.94$ ) dan Cina ( $M = 3.37$ ,  $SD = 1.00$ ) (Jadual 4.7(d)). Sekali lagi, analisis varians (ANOVA) satu hala memaparkan F tidak signifikan:  $F = 0.31$ ;  $p > 0.05$  (Jadual 4.7(d)). Ini menggambarkan ketiga-tiga kumpulan responden tidak memiliki perbezaan min orientasi yang signifikan. Mereka menunjukkan min orientasi yang hampir sama iaitu positif terhadap pembelajaran BS. Responden mungkin beranggapan BS merupakan salah satu bahasa asing yang baru dan bilangan penutur BS di kalangan rakyat Malaysia adalah tidak ramai berbanding bahasa asing lain seperti bahasa Jepun. Justeru itu, menguasai BS menjadi satu keistimewaan bagi responden terutamanya dalam pencarian kerjaya kelak dan mereka dianggap pintar oleh orang lain.



Kenyataan orientasi yang terakhir iaitu ‘*Saya belajar BS kerana ingin mengunjungi negara yang menuturkan bahasa Sepanyol suatu hari nanti*’ menunjukkan min responden India adalah (M = 4.85, SD = 0.38) responden Melayu (M = 4.53, SD = 0.63) dan responden Cina (M = 4.43, SD = 0.62) (Jadual 4.7(d). Analisis varians (ANOVA) satu hala pula menunjukkan F tidak signifikan:  $F = 2.22$ ;  $p > 0.05$  (Jadual 4.7(d). Maka tidak wujud perbezaan min orientasi yang signifikan di antara kumpulan responden. Ketiga-tiga kumpulan responden memiliki min orientasi yang hampir sama iaitu positif. Ini menggambarkan bahawa kesemua mereka berkeinginan yang kuat untuk melancong ke negara penutur BS suatu hari nanti.

Berdasarkan analisis ANOVA bagi item orientasi instrumental keseluruhan, tidak terdapat perbezaan min orientasi yang signifikan di antara responden Melayu, Cina dan India. Kesemua mereka memaparkan min orientasi yang hampir sama iaitu positif yang kuat terhadap pembelajaran BS.

**Jadual 4.7(e) Min, Sisihan Piawai dan ANOVA Keinginan untuk Mempelajari BS**

Motivasi	Bangsa	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	F	Sig. (p)
1. Belajar dan ikuti kelas BS di universiti	Melayu	3.87	0.86	3.84	0.026*
	Cina	4.07	0.87		
	India	4.61	0.51		
	Jumlah	4.08	0.85		
2. BS sangat menarik berbanding subjek lain	Melayu	3.77	0.90	1.52	0.226
	Cina	3.40	0.81		
	India	3.70	0.75		
	Jumlah	3.60	0.85		
3. Gunakan kemahiran BS di dalam dan luar kelas	Melayu	3.97	0.85	3.49	0.036*
	Cina	4.07	0.74		
	India	4.62	0.51		
	Jumlah	4.12	0.78		

\* Signifikan  $p < .05$

**Jadual 4.7(f) Ujian Pos Hoc ANOVA Tukey HSD**

<b>Keinginan untuk mempelajari BS</b>	<b>Kumpulan etnik</b>	<b>Perbezaan min</b>	<b>Sig. (p)</b>
1. Belajar dan ikuti kelas BS di Universiti	India – Melayu	0.75	0.019*
	Cina – Melayu	0.20	0.610
	India – Cina	-0.55	0.113
3. Gunakan kemahiran BS di dalam dan luar kelas	India – Melayu	0.65	0.031*
	Cina – Melayu	0.10	0.865
	India – Cina	0.55	0.80

\* **Signifikan  $p < 0.05$**

Seterusnya, pengkaji akan melihat sama ada wujud perbezaan min motivasi di kalangan responden bagi item motivasi yang pertama iaitu keinginan untuk mempelajari BS. Min responden India ialah ( $M = 4.61$ ,  $SD = 0.51$ ), responden Cina ( $M = 4.07$ ,  $SD = 0.87$ ) dan Melayu ( $M = 3.87$ ,  $SD = 0.86$ ) (Jadual 4.7(e)). Melalui analisis varians (ANOVA) menunjukkan F adalah signifikan:  $F = 3.84$ ;  $p < 0.05$  (Jadual 4.7(e)). Maka wujud perbezaan min motivasi yang signifikan di antara responden Melayu, Cina dan India. Melalui ujian Pos Hoc ANOVA Tukey HSD memaparkan kumpulan etnik yang berbeza secara signifikan pada aras  $p < 0.05$  ialah hanya di antara responden India dengan Melayu sahaja (Jadual 4.7(f)). Ini menunjukkan bahawa min orientasi responden India ( $m=4.61$ ) adalah lebih tinggi dari Melayu ( $m=3.87$ ). Namun begitu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kaum Cina dengan Melayu dan kaum India dengan Cina. Ini menggambarkan bahawa min orientasi kaum etnik Cina dengan Melayu dan India adalah hampir sama. Didapati responden India lebih menunjukkan keinginan yang tinggi untuk mempelajari BS di universiti berbanding yang lain. Walaupun bilangan responden India adalah sedikit di dalam kajian ini dan BS adalah bukan subjek wajib bagi mereka, namun ia tidak menjadi penghalang ke atas keinginan mereka mengikuti kelas BS.

Bagi item kedua, analisis varians (ANOVA) menunjukkan F adalah tidak signifikan;  $F = 1.52$ ;  $p > 0.05$  (Jadual 4.7(e)). Oleh itu, tidak wujud perbezaan min

motivasi yang signifikan di antara Melayu, Cina dan India. Ini menandakan bahawa min motivasi ketiga-tiga kumpulan responden adalah hampir sama iaitu tinggi terhadap pembelajaran BS. Kesemua mereka menggambarkan BS adalah sangat menarik berbanding subjek lain di mana min responden Melayu ialah ( $M = 3.77$ ,  $SD = 0.90$ ), India ( $M = 3.70$ ,  $SD = .75$ ) dan Cina ( $M = 3.40$ ,  $SD = 0.81$ ) (Jadual 4.7(e)).

Bagi item yang terakhir, responden India memiliki min ( $M = 4.62$ ,  $SD = 0.51$ ), responden Cina ( $M = 4.07$ ,  $SD = 0.74$ ) dan responden Melayu ( $M = 3.97$ ,  $SD = 0.85$ ) Dari Jadual 4.7(e), analisis varians (ANOVA) satu hala menunjukkan F adalah signifikan:  $F = 3.49$ ;  $p < 0.05$ . (Jadual 4.7(f)). Oleh itu, wujud perbezaan min motivasi yang signifikan di antara Melayu, Cina dan India. Melalui ujian Pos Hoc ANOVA Tukey HSD mempamerkan kumpulan etnik yang berbeza secara signifikan pada aras  $p < 0.05$  ialah hanya di antara responden India dengan Melayu sahaja (Jadual 4.7(f)). Ini menunjukkan bahawa min orientasi responden India ( $m=4.62$ ) adalah lebih tinggi dari Melayu ( $m=3.97$ ). Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kaum Cina dengan Melayu dan kaum India dengan Cina. Ini menggambarkan bahawa min orientasi kaum etnik Cina dengan Melayu dan India adalah hampir sama. Didapati responden India memaparkan motivasi yang kuat berbanding responden lain.

Berdasarkan analisis item keinginan untuk mempelajari BS secara keseluruhan, ketiga-tiga kumpulan responden menggambarkan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran BS dan tiada yang memiliki motivasi yang rendah. Didapati item 1 dan 3 memaparkan perbezaan min motivasi yang signifikan di antara responden Melayu, Cina dan India. Manakala item 2 tidak menunjukkan sebarang perbezaan yang signifikan. Responden India dilaporkan lebih mempamerkan motivasi yang sangat kuat bagi kedua-dua item yang signifikan ini. Walaupun bilangan responden India adalah sedikit di dalam kajian ini dan BS adalah bukan subjek yang wajib bagi mereka, namun ia bukan menjadi penghalang ke atas keinginan mereka mengikuti kelas BS dengan lebih giat.

**Jadual 4.7(g) Min, Sisihan Piawai dan ANOVA Kesungguhan Motivasi**

Motivasi	Bangsa	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	F	Sig. (p)
<b>Kesungguhan Dalam Mempelajari BS</b>					
1. Tonton rancangan BS di TV	Melayu	3.87	0.73	5.52	0.006*
	Cina	3.70	0.91		
	India	2.92	1.04		
	Jumlah	3.63	0.92		
2. Dengar dan hayati lagu BS di radio	Melayu	3.43	1.73	3.48	0.036*
	Cina	2.70	1.18		
	India	3.77	0.72		
	Jumlah	3.19	1.43		
3. Cari sumber lain tentang BS di internet	Melayu	3.73	0.94	5.41	0.007*
	Cina	2.93	1.05		
	India	3.53	0.78		
	Jumlah	3.37	1.02		

\* Signifikan  $p < 0.05$

**Jadual 4.7(h) Ujian Pos Hoc ANOVA Tukey HSD**

Keinginan untuk mempelajari BS	Kumpulan etnik	Perbezaan min	Sig. (p)
1. Tonton rancangan BS di TV	Melayu – India	0.94	0.002*
	Cina – India	0.78	0.009*
	Melayu – Cina	0.17	0.459
2. Dengar dan hayati lagu BS di Radio	Melayu – Cina	0.73	0.044*
	Cina - India	-1.07	0.023
	India – Melayu	0.34	0.467
3. Cari sumber lain tentang BS di Internet	Melayu – Cina	0.80	0.002*
	Cina – India	-0.61	0.063
	India – Melayu	-0.19	0.544

\* Signifikan  $p < 0.05$

Bagi item kesungguhan dalam mempelajari BS yang pertama, dipaparkan min bagi responden Melayu ( $M = 3.87$ ,  $SD = 0.73$ ), Cina ( $M = 3.70$ ,  $SD = 0.91$ ) dan India ( $M = 2.92$ ,  $SD = 1.04$ ). Melalui analisis varians (ANOVA) satu hala menunjukkan F adalah signifikan:  $F = 5.52$ ;  $p < 0.05$  (Jadual 4.7(g)). Oleh itu, wujud perbezaan min motivasi yang signifikan di antara responden Melayu, Cina dan India. Ujian Pos Hoc

ANOVA Tukey HSD mempamerkan kumpulan etnik yang berbeza secara signifikan pada aras  $p < 0.05$  ialah di antara responden Melayu dengan India dan kaum Cina dengan India (Jadual 4.7(h)). Ini menunjukkan bahawa min orientasi responden Melayu ( $m=3.87$ ) adalah lebih tinggi dari India ( $m=2.92$ ) dan min orientasi responden Cina ( $m=3.70$ ) adalah lebih tinggi dari India ( $m=2.92$ ). Namun begitu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kaum Melayu dengan Cina. Ini menandakan bahawa min orientasi kaum etnik Cina dengan Melayu dan India adalah hampir sama. Didapati responden Melayu memaparkan motivasi yang kuat sekali berbanding responden lain.

Didapati min responden India adalah ( $M = 3.77, SD = 1.04$ ), responden Melayu ( $M = 3.43, SD = 1.73$ ) dan Cina ( $M = 2.70, SD = 1.18$ ) (Jadual 4.7(g) bagi kenyataan '*Saya akan mendengar dan menghayati lagu BS sekiranya diputarkan di saluran radio*'). Analisis varians (ANOVA) satu hala juga menunjukkan F signifikan:  $F = 3.48; p > 0.05$  (Jadual 4.7(h)) Oleh itu, wujud perbezaan min motivasi yang signifikan di antara kaum etnik Melayu, Cina dan India. Bagi menentukan kumpulan yang berbeza secara signifikan ujian Pos Hoc ANOVA Tukey HSD telah dijalankan. Analisis ujian tersebut mempamerkan kumpulan etnik yang berbeza secara signifikan pada aras  $p < 0.05$  ialah di antara responden Melayu dengan Cina sahaja (Jadual 4.7(h)). Ini menunjukkan bahawa min orientasi responden Melayu ( $m=3.43$ ) adalah lebih tinggi dari Cina ( $m=2.70$ ). Manakala, kaum India dengan Cina dan Melayu memaparkan tidak terdapat perbezaan min motivasi yang signifikan. Ini menandakan bahawa min orientasi kaum etnik India dengan Cina dan Melayu adalah hampir sama. Dalam analisis ini, didapati responden India menunjukkan motivasi yang kuat sekali berbanding yang lain.

Item terakhir iaitu '*Saya akan mencari sumber tambahan lain tentang BS seperti di laman web tertentu*', responden Melayu menunjukkan min ( $M = 3.73, SD = 0.94$ ), responden India ( $M = 3.53, SD = 0.78$ ) dan Cina ( $M = 2.93, SD = 1.05$ ) (Jadual 4.7(g)).

Analisis varians (ANOVA) satu hala juga menunjukkan F signifikan:  $F = 5.41$ ;  $p > .05$  (Jadual 4.7(g)). Oleh itu, wujud perbezaan min motivasi yang signifikan di antara responden Melayu, Cina dan India. Melalui ujian Pos Hoc ANOVA Tukey HSD memaparkan kumpulan etnik yang berbeza secara signifikan pada aras  $p < 0.05$  ialah di antara responden Melayu dengan Cina sahaja (Jadual 4.7(h)). Ini menunjukkan bahawa min orientasi responden Melayu ( $m=3.73$ ) adalah lebih tinggi dari Cina ( $m=2.93$ ). Tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara kaum etnik India dengan Melayu dan Cina. Ini menandakan bahawa min orientasi kaum etnik India dengan Melayu dan Cina adalah hampir sama. Dilihat responden Melayu memiliki tahap motivasi yang kuat sekali bagi item ini berbanding responden lain.

Berdasarkan analisis item kesungguhan motivasi dalam mempelajari BS secara keseluruhan, ketiga-tiga kumpulan responden menggambarkan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran BS kecuali kumpulan etnik India memiliki motivasi yang rendah bagi item 1 dan kumpulan etnik Cina mempamerkan motivasi yang rendah bagi item 2 dan 3. Didapati kesemua item menunjukkan perbezaan min motivasi yang signifikan di antara responden Melayu, Cina dan India. Didapati responden Melayu lebih memaparkan tahap kesungguhan motivasi yang tinggi bagi item 1 dan 3, manakala India memiliki motivasi yang tinggi sekali bagi item 2 sahaja.

**Jadual 4.7(i) Min, Sisihan Piawai dan ANOVA Sikap Terhadap Pembelajaran BS**

Motivasi	Bangsa	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	F	Sig. (p)
<b>Sikap Terhadap Pembelajaran BS</b>					
1. Seronok belajar BS	Melayu	4.70	0.47	0.58	0.564
	Cina	4.57	0.57		
	India	4.69	0.48		
	Jumlah	4.64	0.51		
2. Suka belajar BS	Melayu	3.77	0.90	0.14	0.866
	Cina	3.87	0.68		
	India	3.84	0.37		

	Jumlah	3.82	0.73		
3. Belajar BS ke tahap yang seterusnya	Melayu	3.03	0.37	1.25	0.292
	Cina	2.93	0.78		
	India	3.31	0.63		
	Jumlah	3.04	0.71		

**Tidak signifikan  $p > 0.05$**


Bagi item sikap terhadap pembelajaran BS yang pertama, analisis varians (ANOVA) menunjukkan F adalah tidak signifikan:  $F = 0.58$ ;  $p < 0.05$ . (Jadual 4.7(i). Maka, tidak wujud perbezaan min motivasi yang signifikan di antara responden Melayu, Cina dan India. Oleh itu, boleh dikatakan mereka memiliki min motivasi yang hampir sama iaitu tinggi (*Saya berasa sungguh seronok mempelajari BS*) terhadap pembelajaran BS. Min responden Melayu ialah ( $M = 4.70$ ,  $SD = 0.47$ ), responden Cina ( $M = 4.57$ ,  $SD = 0.57$ ) dan responden India ( $M = 4.69$ ,  $SD = 0.48$ ) (Jadual 4.7(i).

Analisis varians (ANOVA) satu hala juga menunjukkan F adalah tidak signifikan:  $F = 1.61$ ;  $p < 0.05$  (Jadual 4.7(i) bagi item '*Saya suka mempelajari BS*'). Oleh itu, tidak wujud perbezaan min motivasi yang signifikan di antara responden Melayu, Cina dan India. Boleh dikatakan ketiga-tiga kumpulan etnik memiliki min motivasi yang hampir sama iaitu tinggi terhadap pembelajaran BS. Responden Cina menunjukkan min ( $M = 3.87$ ,  $SD = 0.68$ ) manakala India ( $M = 3.84$ ,  $SD = 0.37$ ) dan Melayu ( $M = 3.77$ ,  $SD = 0.90$ ).

Bagi item '*Saya bercadang untuk mempelajari BS ke tahap yang seterusnya*', analisis varians (ANOVA) juga menunjukkan F adalah tidak signifikan:  $F = 1.25$ ;  $p < 0.05$ . (Jadual 4.7(i). Oleh itu, tidak wujud perbezaan min motivasi yang signifikan di antara responden Melayu, Cina dan India. Ini menggambarkan bahawa min motivasi ketiga-tiga kumpulan responden adalah hampir sama iaitu tinggi. Responden India menunjukkan min ( $M = 3.31$ ,  $SD = 0.63$ ), responden Melayu ( $M = 3.03$ ,  $SD = 0.37$ ) dan ketiga ialah responden Cina ( $M = 2.93$ ,  $SD = 0.78$ ) (Jadual 4.7(i). Kesemua mereka mempamerkan motivasi untuk mempelajari BS sebanyak mungkin dengan meneruskan

pembelajaran BS ke tahap yang lebih tinggi kecuali responden Cina memaparkan min motivasi yang sedikit rendah bagi item ini.

Berdasarkan analisis item sikap terhadap pembelajaran BS secara keseluruhan, dilaporkan bahawa tiada satu pun item menunjukkan perbezaan min motivasi yang signifikan di antara golongan etnik. Ini menandakan bahawa kesemua responden Melayu, Cina dan India memaparkan tahap min motivasi yang hampir sama iaitu positif terhadap pembelajaran BS. Namun begitu, hanya kaum etnik Cina memaparkan tahap motivasi yang rendah bagi item ‘*Saya akan belajar BS ke tahap yang seterusnya*’.



☆ signifikan  $p < 0.05$

**Rajah 4.6 Min dan ANOVA orientasi integratif**



Melalui kajian ANOVA secara keseluruhan, didapati hanya dua dari lima item orientasi integratif iaitu '*Saya mengambil subjek BS kerana membolehkan saya memahami dan menonton filem Sepanyol dalam bahasa asal mereka*' dan '*Saya mempelajari BS kerana nada bunyi menarik*' menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara responden Melayu, Cina dan India (Rajah 4.6). Didapati responden Melayu lebih mempamerkan tahap orientasi integratif yang kuat bagi kedua-dua item yang signifikan ini ( $m = 4.33$ ) dan ( $m = 4.53$ ) berbanding responden Cina dan India dalam mempelajari BS (Rajah 4.6). Ini menggambarkan kaum Melayu lebih bersikap positif untuk memahami dan mengintegrasikan diri mereka ke dalam budaya masyarakat Sepanyol walaupun bukan dalam situasi sebenar. Ini mungkin juga disebabkan responden Melayu lebih terpengaruh dengan siri telenovela Sepanyol yang kerap ditayangkan di kaca televisyen pada hari ini. Jalan cerita yang menarik dan menggunakan BS yang sebenar dan bukannya dialih suara telah mendorong mereka untuk mengikuti kisah tersebut dan mengambil subjek BS. Melalui kelas BS mereka beranggapan akan memperolehi segala informasi tentang cara hidup, budaya dan masyarakat Sepanyol. Lantaran itu, menimbulkan motivasi dan semangat kepada mereka untuk mengikuti kelas BS sehingga akhir semester. Malahan, aspek intonasi bunyi perkataan BS yang menarik di dalam cara penyebutan, juga menarik minat mereka untuk mempelajari BS dengan lebih mendalam.


Bagi item '*Kemahiran dalam BS membantu saya memahami budaya penutur masyarakat Sepanyol*', '*Menguasai BS membolehkan saya berjumpa dan berkomunikasi dengan penutur natif BS*' dan '*Mempelajari BS membolehkan saya melibatkan diri dalam aktiviti budaya komuniti BS*' tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara kesemua kumpulan etnik (Rajah 4.6). Ini menggambarkan bahawa kesemua golongan etnik mempamerkan min orientasi integratif yang hampir sama. Bagi item '*Kemahiran dalam BS membantu saya memahami budaya penutur masyarakat*

*Sepanyol'* kesemua kumpulan responden melaporkan tahap orientasi integratif yang positif (Rajah 4.6). Ini membuktikan bahawa mereka lebih mengutamakan kepentingan menguasai bahasa asing pada hari ini seperti BS selain dari bahasa ibunda. Melalui penguasaan kemahiran bahasa asing mereka dapat meluaskan pemahaman, pengetahuan dan jaringan tentang cara hidup, budaya dan masyarakat lain.

Manakala bagi item '*Menguasai BS membolehkan saya berjumpa dan berkomunikasi dengan penutur natif BS*' dan '*Mempelajari BS membolehkan saya melibatkan diri dalam aktiviti budaya komuniti BS*' kesemua golongan etnik bersepakat untuk menolak kenyataan ini di mana mereka memiliki min orientasi integratif yang amat negatif (Rajah 4.6). Disebabkan kurangnya pendedahan atau tiada hubungan dengan penutur natif BS di Malaysia maka responden menafikan kenyataan ini. Responden tidak mengetahui bagaimana gaya dan cara hidup masyarakat Sepanyol yang sebenar. Mereka hanya memperolehi informasi tentang budaya dan masyarakat Sepanyol melalui guru, buku-buku yang terhad, laman web dan telenovela Sepanyol yang ditayangkan di kaca televisyen. Ini adalah tidak mencukupi bagi membantu dan merangsang proses pembelajaran mereka.

Oleh itu, dapat dikatakan bahawa kesemua golongan etnik memaparkan tahap orientasi integratif yang kurang kuat dalam mempelajari BS. Kepentingan dan keperluan untuk mengintegrasikan diri mereka ke dalam masyarakat penutur BS adalah tidak timbul. Responden tidak akan terasa terasing dengan rakan, ahli keluarga dan masyarakat sekeliling sekiranya tidak dapat menguasai BS. Mereka akan menggunakan bahasa ibunda untuk berkomunikasi sesama etnik dan menggunakan bahasa Melayu pasar bagi berlainan etnik. Ini adalah selari dengan pandangan oleh Zulkifley (1994) tentang motivasi pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris di Malaysia adalah tidak timbul kerana sifat dan keadaan masyarakat Malaysia itu sendiri. Maka, hasil dapatan ini tidak menyokong pandangan Gardner (1985) yang mengatakan individu yang

mempelajari bahasa akan mempamerkan tujuan integratif yang kuat berbanding orientasi instrumental. Ini kerana hasil kajian pengkaji menggambarkan sebaliknya.




tidak signifikan  $p > 0.05$

**Rajah 4.7 Min dan ANOVA orientasi instrumental**

Jika diperhatikan, kesemua item orientasi instrumental tidak menunjukkan perbezaan min orientasi yang signifikan di antara responden Melayu, Cina dan India (Rajah 4.7). Ini menggambarkan bahawa kesemua golongan etnik mempamerkan min orientasi yang hampir sama iaitu positif bagi kesemua item yang dinyatakan. Kesemua responden memaparkan tujuan mereka mempelajari BS adalah untuk memberikan manfaat utilitari seperti kerjaya, akademik, penghormatan dan melancong. Kesemua golongan etnik mengetahui dan sedar akan kepentingan menguasai bahasa asing di dalam era globalisasi pada hari ini. Di dalam arus modenisasi global kini sudah pastinya menguasai bahasa asing seperti BS adalah menjadi satu bonus bagi diri mereka. Jika dilihat (Rajah 4.7), kesemua golongan etnik menunjukkan tahap orientasi instrumental yang kuat bagi kesemua item instrumental dan tiada satu pun golongan etnik menolak

kenyataan ini. Oleh yang demikian, hasil dapatan ini tidak menyokong pandangan Gardner (1985) tentang pendominasian orientasi integratif di dalam pembelajaran bahasa. Sebaliknya, dapatan ini dapat menyokong pandangan Zulkifley (1994) yang melaporkan motivasi instrumental lebih mendominasi tujuan pelajar mempelajari bahasa asing di Malaysia. Hasil kajian ini juga dapat menyokong hasil kajian oleh Lukmani (1972), Dornyei (1996), Oxford dan Shearin (1994), Rahman (2005) dan Liu (2007) yang melaporkan orientasi instrumental lebih menguasai tujuan pelajar mempelajari bahasa asing berbanding orientasi integratif. Kepentingan dan keperluan untuk mempelajari BS adalah lebih menonjol apabila ia memberikan manfaat utilitari kepada responden lantas menjadi pendorong bagi mereka agar mempelajari BS dengan lebih gigih.



☆ signifikan  $p < 0.05$


**Rajah 4.8 Min dan ANOVA motivasi (keinginan untuk mempelajari BS)**

Bagi item motivasi (keinginan untuk mempelajari BS) secara keseluruhan, analisis ANOVA menunjukkan item '*Belajar dan ikuti kelas BS di universiti*' dan '*Gunakan kemahiran BS di dalam dan luar kelas* adalah memiliki perbezaan min motivasi yang signifikan di antara responden Melayu, Cina dan India (Rajah 4.8). Responden India dilihat lebih menunjukkan motivasi yang tinggi berbanding yang lain bagi kedua-dua item yang signifikan ini ( $m=4.62$ ) (Rajah 4.8). Ini menggambarkan responden India lebih menunjukkan keinginan dan usaha untuk mengikuti dan mempelajari BS dengan giat dan bersungguh-sungguh walaupun ianya bukan subjek yang wajib bagi mereka. Mereka juga dilihat lebih berinisiatif untuk mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari sama ada dengan pengajar mahupun rakan dan ahli keluarga. Walaupun bilangan etnik India adalah sedikit dalam kajian ini, ia tidak menghalang motivasi mereka untuk mempelajari BS dengan giat.

Manakala, bagi item '*Saya dapati mempelajari BS adalah sangat menarik berbanding subjek lain*' menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan di antara golongan etnik (Rajah 4.8). Ini menandakan kesemua mereka mempamerkan min motivasi yang hampir sama iaitu tinggi terhadap pembelajaran BS dan tiada yang menafikan kenyataan ini. Keinginan responden untuk mempelajari BS adalah amat memberangsangkan. Mungkin mereka berpandangan cara penyebutan BS yang mempunyai intonasi, mudah dan memiliki maksud yang hampir sama di dalam bahasa Inggeris maka ia mempercepatkan dan memudahkan lagi pemahaman mereka. Mungkin faktor tersebut yang menyebabkan responden tertarik untuk mengikuti kelas BS dengan penuh bersemangat.

Bagi item motivasi yang seterusnya iaitu kesungguhan motivasi, analisis ANOVA menunjukkan kesemua item memaparkan perbezaan min motivasi yang signifikan di antara responden Melayu, Cina dan India (Rajah 4.9). Didapati responden Melayu mempamerkan motivasi yang tinggi dan kuat bagi item '*Sekiranya terdapat*

*rancangan yang berkaitan dengan BS di kaca televisyen saya akan menontonnya'* (m=3.87) dan *'Saya akan mencari sumber tambahan lain tentang BS seperti di laman web tertentu'* (m=3.73) berbanding golongan etnik lain (Rajah 4.9). Ini mungkin menggambarkan responden Melayu amat terpengaruh dengan siri telenovela yang disiarkan hampir setiap hari di kebanyakan saluran televisyen sejak kebelakangan ini. Mungkin faktor tersebut telah meningkatkan kesungguhan mereka untuk melayari lebih informasi tentang BS di laman internet seperti filem, lagu, makanan dan sebagainya.




☆ signifikan  $p < .05$

**Rajah 4.9 Min dan ANOVA motivasi (kesungguhan motivasi)**

Responden India dilaporkan kurang gemar untuk menonton rancangan BS yang ditayangkan di kaca televisyen di mana mereka menunjukkan motivasi yang terendah (m=2.92) berbanding yang lain (Rajah 4.9). Walaubagaimanapun, responden India menggambarkan kesungguhan yang tinggi bagi item *'Saya akan mendengar dan menghayati lagu BS sekiranya diputarkan di saluran radio'* (m=3.77) berbanding yang

lain (Rajah 4.9). Jelas memaparkan bahawa responden India lebih gemar mempelajari BS sekiranya ia berbentuk alunan melodi seperti di dalam lagu. Manakala, golongan etnik Cina melaporkan mereka bermotivasi yang rendah sekiranya mendengar lagu BS di radio ( $m=2.70$ ) dan mencari sumber tambahan lain berkenaan BS di internet ( $m=2.93$ ) (Rajah 4.9) berbanding yang lain.

Jika diperhatikan (Rajah 4.9) kesemua golongan etnik menggambarkan tahap motivasi yang tinggi bagi kesemua item yang dipaparkan kecuali bagi item 'Menonton rancangan BS di televisyen' responden India bermotivasi yang rendah dan item 'Mendengar dan menghayati lagu BS di radio' dan 'Mencari sumber lain tentang BS di internet' responden Cina pula bermotivasi yang rendah.



tidak signifikan  $p > .05$

#### Rajah 5.0 Min dan ANOVA motivasi (sikap terhadap pembelajaran BS)

Bagi item motivasi (sikap terhadap pembelajaran bahasa) pula, analisis ANOVA menunjukkan tiada satu pun item menunjukkan perbezaan min motivasi yang signifikan

di antara golongan etnik (Rajah 5.0). Ini menggambarkan bahawa kesemua responden memiliki min motivasi yang hampir sama. Mungkin mereka berpandangan kandungan aktiviti pembelajaran BS yang menarik seperti mendengar rakaman perbualan BS, latihan penyebutan, mendengar alunan lagu dan sebagainya menimbulkan keseronokan dan tidak memberi tekanan kepada mereka. Sebaliknya, subjek-subjek lain seperti fizik, ekonomi dan kejuruteraan memerlukan aspek pengiraan dan amali di dalam makmal. Mungkin juga disebabkan BS memiliki persamaan perkataan dan maksud di dalam bahasa Inggeris maka, sedikit sebanyak menimbulkan keseronokan lantas menyimpulkan kesukaan untuk mempelajari BS. Melalui faktor ini, responden mempamerkan hasrat untuk mempelajari BS sebanyak mungkin iaitu dengan mengikuti kelas BS ke peringkat yang seterusnya.

Oleh itu, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa, hanya dua item orientasi integratif iaitu '*Belajar BS membolehkan saya memahami dan menonton filem Sepanyol dalam bahasa asal mereka*' dan '*Belajar BS kerana nada bunyi menarik*' dan lima item motivasi iaitu '*Belajar dan ikuti kelas BS di universiti*', '*Gunakan kemahiran BS di dalam dan luar kelas*', '*Menonton rancangan BS di kaca televisyen*', '*Dengar dan hayati lagu BS di radio*' dan '*Cari sumber tambahan lain BS di internet*' memaparkan perbezaan min orientasi dan motivasi yang signifikan di antara golongan etnik. Manakala, bagi item-item lain tidak menunjukkan perbezaan min yang signifikan di antara golongan etnik. Ini menandakan mereka memiliki tahap orientasi dan motivasi yang hampir sama terhadap pembelajaran BS.

#### **4.5 Kesimpulan Analisis Data**

Dari analisis data secara keseluruhan, didapati tujuan responden mempelajari BS adalah lebih dominan kepada orientasi instrumental iaitu tujuan utilitari seperti meningkatkan gred dan memperolehi kerjaya yang baik berbanding integratif yang



menekankan penglibatan aspek budaya komuniti lain. Disebabkan kurangnya pendedahan responden terhadap kesemua aspek BS, wujud perbezaan konteks, budaya, tempoh pembelajaran yang terhad dan tidak wujud keperluan atau kepentingan berintegrasi ke dalam budaya masyarakat penutur Sepanyol maka, responden lebih memihak kepada orientasi instrumental. Ini adalah kerana kesemua item orientasi instrumental yang disenaraikan mendatangkan kebaikan kepada diri pelajar. Majoriti responden mempelajari BS bagi tujuan untuk melancong ke negara yang menuturkan BS pada suatu hari nanti.

Manakala bagi orientasi integratif, majoriti responden memilih mempelajari BS kerana ia mempunyai nada intonasi yang indah. Kesemua responden menunjukkan tahap orientasi instrumental dan integratif yang positif kecuali bagi item integratif iaitu '*Menguasai BS membolehkan saya untuk bejumpa dan berkomunikasi dengan penutur natif BS*' dan '*Saya mempelajari BS kerana ia membolehkan saya melibatkan diri di dalam aktiviti budaya komuniti BS*' responden bersikap negatif. Oleh kerana kurangnya pendedahan atau hubungan dengan penutur asli BS di Malaysia maka responden menyangkal kenyataan ini.

Bagi item motivasi majoriti responden menunjukkan tahap motivasi yang tinggi bagi kesemua item motivasi yang disenaraikan. Responden menggambarkan tahap motivasi yang tertinggi sekali bagi item '*Saya berasa sungguh seronok ketika mempelajari BS*'. Didapati walaupun responden memilih tujuan instrumental di dalam pembelajaran BS namun ia tidak menghalang motivasi mereka untuk mempelajari BS dengan lebih giat, bersungguh-sungguh dan tekun.

Dari analisi korelasi pula memperlihatkan, tiada satu pun pembolehubah orientasi integratif, instrumental dan motivasi berkorelasi dan signifikan dengan tahap pencapaian bahasa responden. Walaupun responden memiliki tahap orientasi yang positif dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran BS, ia tidak dapat membantu

dan mempengaruhi mereka untuk memperolehi tahap pencapaian bahasa yang tinggi. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan keadaan dan sifat responden itu sendiri. Responden tidak mengambil peduli akan kepentingan penguasaan BS di Malaysia di mana mereka tidak akan disisihkan oleh rakan atau keluarga sekiranya tidak menguasai kemahiran BS. Sebaliknya, mereka akan menggunakan bahasa ibunda masing-masing ketika berkomunikasi sesama rakan dan keluarga dan bahasa Melayu pasar dengan kumpulan etnik lain. Tambahan lagi, BS yang dipelajari oleh responden merupakan subjek elektif (pilihan), jumlah jam pembelajaran BS yang pendek iaitu hanya tiga jam dalam seminggu dan pendedahan yang sedikit tentang budaya dan cara hidup masyarakat penutur Sepanyol.

Melalui analisis ANOVA, wujud dua perbezaan min orientasi yang signifikan di antara kumpulan etnik bagi item orientasi integratif iaitu *'Belajar BS membolehkan saya menonton filem Sepanyol dalam bahasa asal mereka'*, dan *'Belajar BS kerana nada bunyi menarik'*. Tidak wujud perbezaan min orientasi yang signifikan di antara golongan etnik bagi kesemua item orientasi instrumental. Manakala bagi item motivasi wujud lima perbezaan yang signifikan bagi item *'Belajar dan ikuti kelas BS di universiti'*, *'Gunakan kemahiran BS di dalam dan luar kelas'*, *'Sekiranya terdapat rancangan yang berkaitan dengan BS di kaca televisyen saya akan menontonnya'*, *'Dengar dan hayati lagu BS sekiranya diputarkan di saluran radio'* dan *'Saya akan mencari sumber tambahan lain tentang BS seperti di laman web tertentu'*. Secara ringkas kesimpulan kesemua dapatan ini dinyatakan di dalam Jadual 4.8.

**Jadual 4.8 Kesimpulan Dapatan Min dan ANOVA bagi Orientasi dan Motivasi oleh Responden Melayu, India dan Cina**

Orientasi	Bangsa					
	Melayu		Cina		India	
Orientasi Integratif	Min	Anova	Min	Anova	Min	Anova
Menonton filem Sepanyol dalam	+	**	+	**	+	**

bahasa asal mereka						
Nada bunyi menarik	+	**	+	**	+	**
Bantu faham budaya masyarakat Sepanyol	+	X	+	X	+	X
Bantu saya berfikir dan berkelakuan seperti penutur asli BS	-	X	-	X	-	X
Mempunyai rakan dari negara penutur BS	-	**	-	**	-	**
<b>Purata min</b>	<b>M = 3.10</b>					
<b>Orientasi Instrumental</b>	<b>Melayu</b>		<b>Cina</b>		<b>India</b>	
	Min	Anova	Min	Anova	Min	Anova
Belajar BS untuk dapat kerja yang baik	+	X	+	X	+	X
Belajar BS untuk tingkatkan gred dan tamatkan pengajian	+	X	+	X	+	X
BS adalah bahasa asing penting di peringkat global maka saya akan perlukan di masa hadapan	+	X	+	X	+	X
Bijak jika mengetahui BS	+	X	+	X	+	X
Ingin kunjungi negara yang tuturkan BS	+	X	+	X	+	X
<b>Purata Min</b>	<b>M = 3.89</b>					
<b>Motivasi</b>	<b>Melayu</b>		<b>Cina</b>		<b>India</b>	
	Min	Anova	Min	Anova	Min	Anova
<b>Keinginan untuk Mempelajari BS</b>						
Belajar dan ikuti kelas BS di universiti	+	**	+	**	+	**
Mempelajari BS adalah sangat menarik berbanding subjek lain	+	X	+	X	+	X
Gunakan kemahiran BS di dalam dan luar kelas	+	**	+	**	+	**
<b>Kesungguhan Motivasi</b>						
Tonton rancangan BS di tv	+	**	+	**	-	**
Dengar dan hayati lagu BS di radio	+	**	-	**	+	**
Cari sumber lain tentang BS di laman web	+	**	-	**	+	**
<b>Sikap terhadap Pembelajaran BS</b>						
Berasa seronok mempelajari BS	+	X	+	X	+	X
Suka belajar BS	+	X	+	X	+	X
Meneruskan BS ke tahap yang seterusnya	+	X	-	X	+	X

- ( + ) = positif  
 ( - ) = negatif  
 ( \*\* ) = signifikan  
 ( x ) = tidak signifikan